



# LAPORAN PANEL

---

ANUGERAH  
SASTERA  
NEGARA KE-

12

ANNUAL  
LITERATURE  
AWARDS

---



## LAPORAN PANEL

---

ANUGERAH  
SASTERA  
NEGARA KE-12 

---



# LAPORAN PANEL

---

ANUGERAH  
SASTERA  
NEGARA KE-

12

انوار سبيل القادر

---

Cetakan Pertama 2013  
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicetak oleh  
Percetakan Mesbah Sdn. Bhd.

# KANDUNGAN

<i>Prakata</i>		vii
<i>Anggota Panel Anugerah Sastera Negara</i>		ix
<b>LAPORAN PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA KE-12</b>		1
Pendahuluan		3
Puisi		18
Esei dan Kritikan		36
Cereka		50
<b>LAMPIRAN</b>		55
<i>Lampiran 1</i>	Biodata	57
<i>Lampiran 2</i>	Buku dan Karya Eceran (Akhbar/Majalah)	59
<i>Lampiran 3</i>	Sumbangan Profesional dan Aktiviti Sastera/Sosial	83
<i>Lampiran 4</i>	Hadiah, Anugerah dan Gelaran	85
<i>Lampiran 5</i>	Kursus Luar Negara/Pertemuan Antarabangsa	87
<i>Lampiran 6</i>	Makalah Sastera/Kertas Kerja/Ucapan/ Kata Pengantar/Wawancara	89
<i>Lampiran 7</i>	Tulisan Tentang Karya Baha Zain	91





# PRAKATA

Buku laporan ini merupakan sebuah penerbitan tentang sumbangan penerima Anugerah Sastera Negara Ke-12 yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

Pada tahun 1981, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku laporan seumpama ini tentang Keris Mas, penerima Anugerah Sastera Negara yang pertama, diikuti oleh Shahnun Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996), S. Othman Kelantan (2003), Anwar Ridhwan (2009), dan Kemala (2011).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam "Warkah Dasar" Anugerah Sastera Negara, pencalonan bagi Anugerah ini haruslah memenuhi "syarat-syarat mengemukakan calon" yang antaranya, pencalonan hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: penilaian mengenai karya sastera calon tersebut, penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera, dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan, jika ada.

Syarat-syarat di atas menjadi dasar utama Panel Anugerah Sastera Negara Ke-12 ketika mengadakan perbincangan bagi menentukan penulis yang layak menerima Anugerah ini. Panel telah mengadakan beberapa perbincangan untuk meneliti sumbangan serta kekuatan calon. Panel akhirnya memilih sasterawan **Baharuddin Zainal (Baha Zain)** sebagai penerima Anugerah Sastera Negara Ke-12, tahun 2013.

Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan kepada **Baharuddin Zainal** adalah dalam bentuk:

- i. Warkah Penghormatan Negara.
- ii. Wang tunai sebanyak RM60,000.00.
- iii. Penerbitan sebanyak 50,000 naskhah buku atau nilai harga buku berjumlah maksimum RM500,000.00 untuk dibeli oleh kerajaan dan disebarkan ke sekolah, perpustakaan, jabatan, dan agensi kerajaan.

- iv. Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.
- v. Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta karya sastera.
- vi. Kemudahan untuk menerbitkan karya.
- vii. Penterjemahan karya yang sesuai ke dalam bahasa asing.

Dengan ini, Urus Setia mempersembahkan laporan kajian dan penelitian terhadap sumbangan **Baharuddin Zainal (Baha Zain)** yang telah disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara Ke-12.

**Urus Setia**  
**Panel Anugerah Sastera Negara**

# ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA

## **PENGERUSI**

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin  
Menteri Pelajaran dan Pengajian Tinggi Malaysia

## **TIMBALAN PENGERUSI**

YBhg. Dr. Haji Awang bin Sariyan  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka

## **SETIAUSAHA**

YBhg. Datuk Abang Sallehuddin bin Abg. Shokeran  
Pengarah  
Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera  
Dewan Bahasa dan Pustaka

## **TIMBALAN SETIAUSAHA**


YBhg. Tuan Haji Md. Johari bin Hassan  
Ketua Bahagian Promosi dan Pengiktirafan  
Dewan Bahasa dan Pustaka

## **PANEL**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Md. Salleh bin Yaapar  
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah binti Haji Omar  
YBhg. Datu Dr. Haji Adi Badiozaman bin Tuah  
YBhg. Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar  
YBhg. SN Dato' Dr. Mohd. Anuar bin Haji Rethwan  
YBhg. Prof. Dr. Sohaimi bin Abdul Aziz  
YBhg. Prof. Dr. Ruzy Suliza binti Hashim  
YBhg. Dr. Wong Soak Koon



LAPORAN PANEL  
ANUGERAH SASTERA  
NEGARA KE-12



**PENERIMA**

**ANUGERAH SASTERA NEGARA KE-12**

YBHG. DATO' (DR.) HAJI BAHARUDDIN ZAINAL (BAHA ZAIN)

# PENDAHULUAN

Dato' (Dr.) Baharuddin Zainal atau dikenali dengan nama Baha Zain, terus menyerlah kegigihannya berkarya sejak lebih lima dekad lalu hingga kini, pada usianya yang sudah melangkaui tujuh puluh empat tahun. Sumbangan Baha Zain dalam bidang kesusasteraan tanah air, khususnya dalam genre puisi, esei dan kritikan memberikan impak penting terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Baha Zain ialah penyair dan pengkritik sastera yang terkenal di Malaysia. Tulisannya mencitrakan sikap dan pandangannya yang kritis dan merentas zaman terhadap isu-isu sosiobudaya, politik dan ekonomi masyarakatnya. Baha Zain juga dikenali sebagai penulis yang bersikap kritis dalam menanggapi isu-isu yang sarwajagat dalam puisi-puisinya.

Melalui siri wacananya yang disiarkan setiap bulan dalam kolum "Monolog Kecil" majalah *Dewan Sastera* sejak bulan Julai 2005 hingga kini, Baha Zain memanfaatkan ruangan kecil ini untuk mengisi suara bicara, inti pati pemikirannya dan tanggapannya terhadap pelbagai subjek yang diperolehnya hasil pemerhatian dan penganalisisannya terhadap lingkungan persekitaran ruang mikro dan makro. Tulisan tersebut turut disulami dengan puisi, iaitu genre utamanya dalam kesusasteraan sebagai wahana seni untuk memuatkan rasa dan fikirinya. Sebelum "Monolog Kecil", Baha Zain memang banyak menyumbang kepada majalah ini, iaitu sejak awal penerbitannya pada Januari 1971, dalam bentuk analisis karya, kritikan, surat sastera, puisi dan cerpen. Seiring dengan perkembangan teknologi dunia maya pada masa kini, Baha Zain tidak ketinggalan menitipkan pendapatnya

terhadap pelbagai isu semasa yang menyentuh kepentingan nasional, sebagai medan baharu untuk berkarya puisi, dan ada waktunya memberi bimbingan kepada penulis muda, melalui blog seni dan sasteranya, iaitu bahazain-blogspot.com.

Dato' (Dr.) Baharuddin Zainal dilahirkan pada 22 Mei 1939 di Hutan Melintang, sebuah pekan kecil di daerah Hilir Perak. Pada tahun 1946-1949, beliau menerima pendidikan awalnya sehingga Darjah IV di Sekolah Melayu Sabak Bernam, Selangor. Dalam usia penghujung alam kanak-kanak (11 tahun - 1950), Baha Zain meninggalkan kampung halaman untuk meneruskan pelajaran menengah di Anglo-Chinese School, Teluk Anson (Teluk Intan), Perak sehingga lulus Sijil Peperiksaan Cambridge (1957). Baha Zain meneruskan pelajaran di Sekolah Anderson, Ipoh, Perak (1958-1959) dan kemudiannya menjadi mahasiswa Universiti Malaya (1960-1963). Sewaktu cuti panjang universiti, beliau pernah bertugas secara sementara di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Berbekalkan kelulusan Ijazah Sarjana Muda, mulai bulan Julai 1963, beliau memulakan khidmatnya di DBP sebagai Penolong Pegawai Penyelidik. Antara tugas beliau yang sangat penting termasuklah menyelenggarakan hikayat lama untuk diterbitkan seperti *Hikayat Bakhtiar* (1963), *Hikayat Umar Umayyah* (1964) dan *Hikayat Chekel Waneng Pati* (1965). Buku *Hikayat Chekel Waneng Pati* telah diberikan hadiah oleh UNESCO sebagai bahan bacaan tambahan terbaik untuk pelajar sekolah menengah pada tahun 1967. Antara karya yang diselenggarakan atau disunting oleh beliau termasuklah *Keranda 152* (1967), *Teluk Gong* (1967), dan *Mendekati Kesusasteraan* (1975). Puisinya berjudul "Bahasa Alam", telah terpilih sebagai salah sebuah puisi untuk teks sekolah menengah peringkat Sijil



Pelajaran Malaysia dan menjadi judul antologi buku teks tersebut, iaitu *Bahasa Alam* (1983). Berdasarkan pengalaman dan pencapaian sepanjang berkhidmat di DBP, maka tiga tahun selepas itu (1966), beliau dilantik menjadi Penolong Ketua Bahagian, Bahagian Perkamusan dan membantu menyusun *Kamus Dewan* yang diterbitkan pada tahun 1970 (cetakan pertama edisi pertama).

Menyedari pentingnya ilmu untuk menangani bidang yang diceburinya secara lebih berwibawa, Baha Zain meninggalkan tanah air, bercuti belajar untuk peringkat sarjana (S2) di Universitas Indonesia (1970-1972). Di bawah bimbingan H.B. Jassin, seorang pengkritik terkenal Indonesia, Baha Zain menyelesaikan tesis sarjananya yang berjudul "Manusia dalam Pergolakan: Satu Analisis dan Tafsiran Novel-novel Indonesia 1966-1971" yang memberikan tumpuan pada novel-novel terbaharu Indonesia pada ketika itu.

Sekembalinya beliau ke tanah air, Baha Zain meneruskan khidmat di DBP, dengan memanfaatkan ilmu yang ditimba dari negara jiran untuk merancang dan melaksanakan pelbagai projek penyelidikan sastera, iaitu sebagai Ketua Cawangan Kajian (disebut cawangan sebelum tertubuhnya pejabat cawangan dan wilayah) di Bahagian Pengembangan Sastera (kemudian menjadi Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera pada tahun 1971, Jabatan Sastera pada tahun 1985 dan kini Bahagian Penyelidikan Sastera). Pada tahun 1977, beliau mengetuai Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera.

Peranan beliau yang penting sewaktu di DBP selain menjadi pentadbir, iaitu sebagai Ketua Bahagian dan Timbalan Ketua Pengarah, antaranya termasuklah menjadi Ketua Pengarang majalah *Dewan Sastera*, satu-satunya majalah yang

memberikan tumpuan pada bidang kesusasteraan di tanah air, sebagai Editor majalah *Dewan Bahasa* dan *Dewan Budaya*, dan Sidang Pengarang Jurnal *Tenggara*. Terpilihnya beliau sebagai Ketua Pengarang, Editor dan Sidang Pengarang tersebut berdasarkan pengalaman dan kepakaran beliau dalam melaksanakan tugas-tugas dalam bidang penyelidikan, sebagai pengarang dan juga sebagai pentadbir di organisasi bahasa dan sastera ini. Menyedari pentingnya penglibatan dan perlunya karyawan membina hubungan dalam kalangan negara rantau ASEAN, DBP telah menjadi tuan rumah untuk menganjurkan seminar peringkat rantau, iaitu Persidangan Penulis ASEAN yang diadakan pada awal bulan Disember 1977. Baha Zain yang pada ketika itu menjadi Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dilantik sebagai Pengarah persidangan.

Baha Zain sewaktu berkhidmat di DBP, telah mengetuai dan menyelaraskan beberapa projek penyelidikan dengan sistematik. Penerbitan buku hasil penyelidikan oleh kalangan Pegawai Penyelidik sewaktu di bawah penyeliaannya telah memberikan sumbangan yang berharga kepada persejarahan kesusasteraan negara, antaranya *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid I* (1981) dan *Sejarah Kesusasteraan Melayu Jilid II* (1990). Dua buah buku sejarah kesusasteraan Melayu yang mengkhusus kepada sejarah sastera tanah air ini sangat bermanfaat dalam mengisi kelangkaan buku penyelidikan sedemikian bagi menambah bahan dan dokumentasi penting khazanah warisan kesusasteraan negara. Buku ini terisi dengan perkembangan genre sastera Melayu cerpen, drama, esei, novel dan puisi secara periodisasi, mengandungi aspek sejarahnya, tokoh, teks, pergerakan sastera dan aliran. Cakupannya bermula dari zaman Abdullah Munshi, Hamzah Fansuri sehinggalah dekad 80-an. Kedua-dua hasil kajian ini memberikan pencerahan terhadap persejarahan kesusasteraan Melayu moden tanah air.

Selain itu, dengan usaha dan iltizamnya sebagai ketua dan penyelar, maka penyelidikan dan penulisan buku *Wajah (Biografi Seratus Penulis)* (1981) berjaya dihasilkan dan diterbitkan. Buku ini sangat penting sebagai bahan kajian dan rujukan kepada para pengkaji sastera dan bahasa, terisi dengan biodata para penulis termasuklah biodata Abdullah Munsyi yang dianggap Bapa Kesusasteraan Melayu Moden dan Asraf, seorang tokoh bahasa dan sastera yang tidak asing lagi. Sebuah lagi buku yang sangat berguna kepada pengkaji, iaitu *Kamus Nama Samaran dan Nama Pena* (penyelenggara Anwar Ridhwan dan Sarah Sadon) juga telah diterbitkan (1979) oleh DBP sewaktu Baha Zain mengetuai bahagian tersebut.

Usaha dan kesungguhannya serta hasil bimbingannya kepada para penyelidik sehingga menghasilkan bahan penyelidikan sastera yang penting memperlihatkan kewibawaan Baha Zain sebagai pengurus sastera di DBP. Baha Zain kemudiannya diberikan cuti belajar di Iowa City, Amerika Syarikat pada tahun 1981 untuk mengikuti kursus *International Writing Program*. Baha Zain adalah antara peserta terawal dari Malaysia yang mengikuti kursus tersebut. Kesempatan ini digunakan olehnya untuk mencari pengalaman di negara empat musim itu. Perjalanannya ke New York, Washington, Michigan dan California memberikan pengalaman yang cukup berharga kepada Baha Zain apabila beliau berkesempatan bertukar-tukar fikiran dengan teman-teman penulis seluruh dunia dan dengan kalangan pengarang Malaysia di sana yang kebetulan ada yang menetap dan sedang melanjutkan pengajian di Amerika Syarikat seperti Muhammad Haji Salleh, Firdaus Abdullah dan Anis Sabirin.

Kewibawaan Baha Zain melaksanakan tugas-tugasnya di DBP terbukti apabila beliau dilantik untuk menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah pada

tahun 1982, orang kedua terpenting di organisasi bahasa dan sastera ini. Baha Zain kemudiannya meninggalkan DBP pada tahun 1984 untuk menceburi dunia perniagaan. Ternyata bidang ini juga masih tidak jauh daripada minatnya sebagai penulis, iaitu dalam bidang penerbitan. Penerbitan majalah mingguan *Era* pada tahun berikutnya (1985) membuktikan minatnya yang tidak berbelah bahagi dalam bidang penulisan. Pada tahun 1994, Baha Zain menjadi Pengerusi Eksekutif Dasar Padu (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat penerbitan, di samping mengendalikan Pustaka Cipta Sdn. Bhd., syarikat penerbitannya sendiri sejak tahun 1985.

Bagai kilauan permata, walaupun telah meninggalkan DBP, masih terserlah kilauan pengalaman dan buah fikirannya untuk terus dihargai bagi menyumbangkan bakti terhadap perkembangan bahasa dan sastera. Pada 16 Februari 1989 hingga 15 Februari 1992, Baha Zain dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola DBP. Pada awal bulan Februari 2002, Baha Zain dilantik semula sebagai Ahli Lembaga Pengelola DBP hingga 30 April 2009. Kepakaran dan penglibatan kentalnya dalam dunia penerbitan mewajarkan dirinya dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan di samping menjadi Ahli Jawatankuasa Sastera dan Ahli Jawatankuasa Lantikan dan Naik Pangkat. Pencapaiannya itu berdasarkan khidmat dan pengalamannya yang luas dalam bidang kesusasteraan, penerbitan dan pengurusan di DBP dan di luar DBP yang dicapai selangkah demi selangkah.

## II

Minat Baha Zain terhadap bahasa dan kesusasteraan bermula sejak di bangku sekolah. Keadaan sekeliling dan keluarga mempengaruhi beliau menulis sejak di sekolah menengah rendah lagi, iaitu sekitar tahun 1950-an. Minatnya nyata terserlah apabila pada tahun 1958, beliau dipilih menjadi pengerusi dan

editor bagi majalah *Peminat Bahasa Kebangsaan* oleh Persatuan Peminat-peminat Bahasa Kebangsaan di Sekolah Anderson, Ipoh. Dalam majalah ini terisi karya sastera dan rencana pelajar dalam bahasa kebangsaan, bertujuan memupuk minat pelajar dalam bahasa kebangsaan. Galakan daripada guru dan rakan-rakan juga memberikan dorongan kepada beliau untuk menulis.

Ibu Baha Zain bernama Teh Maaruf suka membaca "Syair Siti Zubaidah". Ayahnya Zainal juga gemar membaca, manakala abang dan kakaknya bertugas sebagai guru. Mereka memberikan galakan kepada Baha Zain sehingga beliau begitu berminat kepada pembacaan dan sastera. Baha Zain menjadikan mereka sebagai sumber dan lambang wibawa.

Kegiatan penulisannya terus berkembang semasa beliau menuntut di Universiti Malaya. Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) telah menerbitkan *Berita PBMUM* (dalam bentuk stensilan) dan Baha Zain menjadi editor penerbitan tersebut. Seterusnya pada dekad 1960-an, Baha Zain terus menulis dalam majalah dan akhbar tempatan dan terserlah bakat kreatif melalui karya beliau, terutama puisi. Radio Malaya waktu itu telah mengiktiraf kebolehan Baha Zain dan mengundangnya untuk menyampaikan ceramah sastera. Pensyarah yang banyak memberikan galakan kepadanya sewaktu di Universiti Malaya ialah Profesor Ismail Hussein.

Baha Zain menulis esei, rencana, puisi, cerpen dan drama. Puisi yang dicipta berkisar tentang diri dan keluarga, menjelajah garis dunia sekitarnya seperti peristiwa semasa di dalam dan luar negara, kritikan sosial, kisah peperangan, modenisasi dan kapitalisme kuasa Barat, keadilan masyarakat atau kritikan sosial

intelektual. Sensitivitinya mencakupi hal-hal persekitaran yang terjadi. Puisi Baha Zain berkembang sejajar dengan pembangunan dan modenisasi negara dan memaparkan perubahan pantas yang berlaku di desa dan di bandar. Keakraban dirinya dengan keluarga diserlahkan dalam puisi melalui deskripsi dan interpretasi yang bijaksana. Mesej supaya hubungan antara anak dengan ayah dan ibu terus saling menghormati dirakamkan dengan jelas melalui puisi-puisinya. Penghargaan kasih kepada rakan-rakan seperjuangan juga tidak dilupakan dan menjadi pilihan subjek dalam puisinya.

Karyanya yang berjudul *Perempuan dan Bayang-Bayang* diterbitkan oleh DBP pada tahun 1974, dan merupakan kumpulan puisinya yang pertama, memperlihatkan dirinya sebagai penyair yang berkembang, memperagakan gaya, bentuk dan warna dirinya. Baha Zain ternyata seorang penyair yang cukup berbakat. Melalui kumpulan puisi ini, terlihat Baha Zain sebagai penyair yang sensitif dan bersifat perenung. Puisinya dibangun dengan imaginasi, sensitiviti, persepsi dan kreativiti yang kuat. Siri lawatannya ke Filipina, Thailand, Korea, Jepun, Taiwan, Kemboja dan Amerika Syarikat memberikan idea untuk Baha Zain mengungkap tema kota. Melalui puisi, Baha Zain melihat dunia bukan semata-mata dengan emosi tetapi juga dengan fikiran. Semasa Baha Zain mengetuai sekumpulan penulis ke luar negara, beliau berjaya menyelenggarakan dua buah antologi puisi, iaitu *Melintasi Benua: Penulis Pena di Tiga Kota Raya* (Dasar Padu, 1995) dan *Jejak Perjalanan di Gurun Zaman: Penulis Pena di Timur Tengah* (Dasar Padu, 1996).

Puisinya termuat dalam beberapa buah antologi bersama dan kumpulan puisi perseorangan. Selain *Perempuan dan Bayang-bayang*, *Dari Kertas Catatan*

*Tengah Malam* (DBP, 1978), *Tiga Catatan Perjalanan* (DBP, 1980), *Jalan Desa ke Kota* (Pustaka Cipta, 1994), *Topeng-Topeng* (2003), dan *Postponing Truth and Other Poems* (2008) ialah kumpulan puisi yang cukup mengesankan. *Topeng-Topeng* telah diterjemahkan oleh Dr. Victor Pogadaev ke dalam bahasa Rusia (2003).

Rahman Shaari, penganalisis dan pengkritik genre ini menyatakan bahawa Baha Zain mempunyai kekuatan dalam menulis sajak sinis dan menguasai tema yang lain (*Esei dan Puisi Baha Zain, 2000: xxii*). Kekuatan puisinya dibuktikan dengan terpilihnya puisi "Dalam Lingkaran", *Dewan Sastera* (Mac 1971), "Topeng-Topeng", *Dewan Sastera* (Julai 1971) sebagai pemenang kategori puisi Hadiah Karya Sastera pada tahun 1971. Pada tahun 1973, puisinya "Beberapa Catatan Kenangan", *Dewan Sastera* (Februari 1973), dan "Menanggihkan Kebenaran", *Dewan Sastera* (September 1973) telah dipilih lagi sebagai pemenang Hadiah Karya Sastera. Puisinya "Pernakah Engkau Mentafsir Kedamaian", *Dewan Sastera* (April 2003) terpilih memenangi Hadiah Sastera Malaysia 2002/2003. Puisinya berjudul "Apabila Menulis Puisi", *Dewan Sastera* (Mac 2008) terpilih memenangi Hadiah Sastera Perdana 2008/2009. Dua judul puisinya telah terpilih memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2010/2011. Judul puisi tersebut ialah "Dalam Persekitaran Kata-kata", *Dewan Sastera* (Februari 2010) dan "Permainan Mimpi" *Dewan Sastera* (Januari 2010).

Selain penulis puisi, Baha Zain juga dikenali sebagai penulis esei. H.B. Jassin selaku pembimbingnya sewaktu menyelesaikan pengajian di Universitas Indonesia menjadi pendorong dan pemberi inspirasi kepadanya untuk memamatkan bidang kritikan. Baha Zain banyak menghasilkan artikel, esei dan kritikan yang

membicarakan pelbagai tema, kesenian, bahasa, budaya dan penerbitan hasil daripada pemerhatian, pengalaman, analisis dan tanggapannya terhadap isu-isu yang diperolehi daripada persekitarannya. Esei kritik sastera, terutamanya yang menjadi jalur penting dalam liku perkembangan kesusasteraan tanah air telah ditangani dengan berkesan oleh Baha Zain. Dalam menganalisis pencapaian karya dan tulisan Baha Zain, dapat dinyatakan bahawa Baha Zain merupakan pengkritik yang bersifat nasionalistik, pragmatis, dan rasionalis. Sifat tersebut diadun dengan rapi dan berkesan bagi mewakili kepengarangan Baha Zain dalam bidang esei dan kritik terutamanya dalam esei dan kritik sastera.

Ketokohnya sebagai penulis esei diperakukan oleh Panel Hakim Hadiah Karya Sastera yang menanggapi tulisan Baha Zain bukan sahaja terserlah kerana gayanya yang menarik tetapi buah fikirannya yang selalu padat, teliti dan ketara membawakan pemikiran yang matang. Kritiknya tajam tetapi tidak melukakan. Beliau mengajak kita berfikir, bukan mengajar kita berfikir. Ia berbicara dengan suara sederhana dan tenang sekalipun dalam persoalan yang kritis (*Esei Sastera Baharuddin Zainal*, 1980: ix). Pada tahun 1973, esainya telah diberi pengiktirafan sebagai pemenang Hadiah Karya Sastera.

*Esei & Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya* (DBP, 2000) merupakan koleksi esei dan puisi yang cukup bermutu dan amat mengesankan. Koleksi ini diterbitkan setelah Baha Zain begitu lama berkecimpung dalam dunia sastera. Buku ini mengandungi 16 buah esei dan 50 buah sajak. Sebagai penulis yang cukup mapan, esei beliau menyentuh topik penting dan disampaikan dengan bahasa yang mudah serta gaya yang menarik. Pandangan dan fikirannya ditampilkan dengan teliti, kritis, padat dan matang. Sesungguhnya, buku ini



memperlihatkan Baha Zain sebagai cendekiawan yang buah fikirannya kritis dan mudah difahami. Melalui esei kritiknya yang kritis, menampilkan buah fikiran yang padat dan teliti. Pada masa yang sama, sajaknya dalam koleksi ini juga memperlihatkan beliau sebagai penyair yang cukup kritis dan matang, dengan kearifan yang tersendiri. Beliau dengan jelas menyatakan sikapnya akan keluhuran tujuan karya seni. Pegangan ini termasuklah dalam tulisan-tulisan esei dan kritiknya yang berusaha meningkatkan mutu karya. Pendiannya tentang hakikat seni dan tujuannya dinyatakan dalam salah sebuah cerpen beliau "Malam Yang Melemparkan":

Seni tak akan tunduk kepada kekotoran ini dan aku tak akan menjadikan seni untuk alat ini. ...Seni pada tahap akhirnya akan berontak dengan sistem dan struktur di sekelilingnya. Aku tak bisa menempatkan seni di dada kiri dan kerakusan di dada kananku.

(*Dewan Sastra*, Januari 1971, hlm. 6).

Ternyata beliau bukan sahaja pengarang yang idealis dalam genre utamanya, iaitu puisi dan esei kritik, tetapi juga menyalurkan kreativiti, persepsinya, imajinasinya dan sensitiviti melalui karya cerpen seperti "Malam Yang Melemparkan". Cerpen ini kemudiannya dipilih untuk memenangi Hadiah Karya Sastera 1971. Sembilan tahun kemudian, menyusul sebuah lagi cerpennya berjudul "Bagai Angin di Pantai: Akrab dan Asing", tersiar dalam *Dewan Sastera* (Januari 1980). Tiga cerpen menyusul lagi siarannya dengan menggunakan nama samaran Anton Zakuan. Judul cerpen yang tersiar dalam *Dewan Sastera* (September 2005) ialah "Matahari dan Karen", manakala dua lagi tersiar dalam majalah yang sama pada bulan Januari 2008 dan bulan Jun 2010 dengan judul "Dia dan YB" dan "Sunat".

Bakat penulisan Baha Zain ternyata menyerlah dalam genre karya kreatif dan imaginatif seperti puisi. Namun demikian, karya cerpen beliau juga memperlihatkan pencapaian yang membanggakan. Cerpennya mungkin kecil bilangannya, tetapi ketara membawa pemikiran yang matang dan terbukti melalui olahan subjek secara berseni dan kritis, malahan salah sebuah cerpennya terpilih memenangi Hadiah Karya Sastera.

Baha Zain juga menghasilkan cereka berupa anekdot, disampaikan secara bersahaja dan simplistik, tetapi tajam dan kritis. Kumpulan cereka dalam bentuk anekdot, iaitu *Berguru Pada Binatang: Anekdote-anekdot Kecil* (Pustaka Cipta, 2000) memperlihatkan sisi lain diri Baha Zain sebagai sasterawan apabila beliau memanasifestasikan pelbagai rupa sifat manusia yang diilhamkan oleh beliau daripada cerita-cerita *fable*. Baha Zain bercerita tentang kepelbagaian karakter binatang, kucing, ayam, katak, lembu, kerbau, beruk, kancil, gajah dan ular. Cerita disampaikan dengan bersahaja tetapi penuh lelucon. Dalam bercerita tentang binatang, Baha Zain sebenarnya mengemukakan kritiknya terhadap sifat dan perlakuan manusia melalui sindiran dan kiasan. Ceritanya meninggalkan kesan lelucon, membekaskan renungan dan mengujarkan kecerdasan. "Berguru Pada Binatang" ternyata hasil satira untuk menyindir sifat dan perlakuan mungkar manusia. Karya ini juga berupa sebuah alegori yang berhasil menyuntik deria rasa dan deria fikir khalayaknya. Baha Zain memanfaatkan dan mengolah cerita binatang yang terdapat dalam sastera tradisional dalam bentuk baharu sebagai wahana untuk menerapkan norma-norma, akhlak, dan etika.

Baha Zain juga pernah menulis drama berjudul "Interlok: Mencari Dialog yang Waras", tersiar dalam *Dewan Sastera* (April 2011). Tersiarnya genre drama

ini memperlihatkan kreativiti Baha Zain sebagai pengarang dalam semua genre, cerpen, drama, esei, novel dan puisi.

Sasterawan yang berjaya sering menjadi tumpuan pengarang lain untuk memperkatakan karyanya. Begitu juga dengan karya Baha Zain. Kamaruzzaman Abd. Kadir (Darmawijaya), Rahman Shaari, Sohaimi Abdul Aziz, A.F Yassin, A. Rahim Abdullah dan Hamzah Hamdani merupakan antara pengarang yang membicarakan puisi dan esainya. Terdapat latihan ilmiah yang menjadikan karya beliau sebagai teks kajian.

### III

Sejak tahun 60-an, Baha Zain telah melibatkan diri dalam pergerakan sastera, khususnya Persatuan Penulis Nasional (PENA) dan kerana kesungguhan yang diserlahkan, Baha Zain telah memegang pelbagai jawatan (Setiausaha Satu PENA, 1967-1969 dan Timbalan Presiden PENA, 1992-2008) sehingga akhirnya menjadi Presiden PENA pada tahun 2008 hingga tahun 2011. Di bawah kepemimpinan beliau yang dinamik, PENA menjadi persatuan penulis yang cukup berwibawa dan dihormati, dengan dampak yang terserlah dalam dunia persuratan di Malaysia. Selain bersama PENA, Baha Zain juga cukup aktif dan pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Dua Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) pada tahun 1982 hingga tahun 1984.

Ketokohan Baha Zain telah melayakkan beliau dilantik sebagai salah seorang Panel Hadiah Karya Sastera pada tahun 1974 hingga tahun 1976. Selain itu, beliau menjadi Panel S.E.A. Write Award peringkat Malaysia pada tahun 2002 hingga tahun 2005. Baha Zain juga pernah menjadi Panel Anugerah

Sastera Negara dari tahun 1985 hingga tahun 1996. Dengan kepakarannya dan komitmen yang jitu dalam bidang kesusasteraan, beliau terpilih menjadi panel anugerah sastera paling berprestij di Malaysia ini.

Di samping sumbangan seperti yang dinyatakan, Baha Zain juga dilantik sebagai Ahli Lembaga Amanah, Yayasan Penataran Ilmu pada tahun 1986. Sebagai orang yang berpengalaman luas dalam bidang penerbitan buku, Baha Zain turut dipilih sebagai Presiden, Ikatan Penerbit Buku Bumiputera Nasional (1989-1994). Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia pada tahun 1985-1991 dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Terjemahan Negara Malaysia (1993-2009). Selain itu, Baha Zain juga pernah menjadi anggota Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (1986-1994), menganggotai Lembaga Amanah, Balai Seni Lukis Negara (1984-1997).

#### IV

Selain memenangi pengiktirafan karya, Baha Zain turut mendapat pengiktirafan kerana ketokohan kepengarangannya. Pada tahun 1980, kerana dampak karyanya dalam perkembangan sastera Melayu, Baha Zain telah dipilih mewakili Malaysia untuk menerima S.E.A. Write Awards di Bangkok. Selain itu, beliau telah menerima Anugerah Penyair GAPENA (1988), dikurniai Darjah Cura Simanja Kini (PCM) oleh DYMM Sultan Perak (1986) dan dianugerahi Darjah Kesatria Mangku Negara (KMN) oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (1982). Seterusnya, beliau dianugerahi Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) pada tahun 1998. Pada tahun 2004, beliau menerima Anugerah Tokoh Pejuang Bahasa oleh Persatuan Linguistik Malaysia. Ketokohan beliau dalam bidang persuratan melayakkan beliau menerima Anugerah Budaya

GAPENA (2008). Pada tahun 2010, beliau menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan (Dr.) daripada Universiti Sains Malaysia. Pada tahun 2011, ketika berusia 73 tahun, beliau diberi pula Anugerah Tokoh Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA) sempena Majlis Ulang Tahun PENAMA Ke-50.

# PUISI

Baha Zain dikenali sebagai penyair sejak awal dekad 1960-an. Walau bagaimanapun kehadirannya dalam genre puisi hanya dapat dirasakan keberkesannya pada tahun 1967 melalui puisi-puisi protesnya. Sejak itu, Baha Zain terus mencipta puisi untuk menyatakan sikapnya dan tanggapan tentang pelbagai dimensi kehidupan. Hingga tahun 2013, Baha Zain telah berada dalam dunia puisi selama lebih lima dekad. Ruang waktu yang lama memperlihatkan Baha Zain bukanlah penyair yang prolifik dalam ukuran kuantiti penghasilan kumpulan puisi. Namun, puisinya cukup bermutu dan sejumlahnya telah memberikan impak yang cukup besar dalam sejarah perkembangan puisi Melayu moden dan menjadikan Baha Zain seorang daripada penyair penting di Malaysia.

Puisi protes Baha Zain pada tahun 1967 telah menampakkan identiti dan prinsipnya berpuisi. Bagi Baha Zain, memilih menjadi penyair bererti memilih membawa bersama-sama suatu pertanggungjawaban. Prinsip ini diungkapkannya dalam puisi "69", *Dewan Bahasa* (Januari 1969) dengan menyatakan bahawa penyair ialah "petugas zaman" dan mempunyai tanggungjawab yang besar dalam kehidupan. Baha Zain kekal memegang prinsip tersebut dalam penciptaan puisinya hingga mutakhir ini.

Berada selama lebih lima dekad dalam dunia kepenyairan menyedarkan Baha Zain akan keterbatasan puisi. Puisi tidak membicarakan seluruhnya dan tidak juga kepada semua orang. Puisi hanyalah sebahagian atau satu fragmen daripada

serentetan perasaan, fikiran, peristiwa dan hakikat. Puisi hanyalah satu persepsi penyair daripada sejumlah persepsi kehidupan yang tidak terungkapan.

Sejarah puisi Melayu moden mencatatkan bahawa Baha Zain menghasilkan puisi-puisi protes pada tahun 1967 sebagai pernyataan reaksinya terhadap dua peristiwa yang berlaku dalam tahun tersebut. Pertama, peristiwa yang tercetus hasil daripada keputusan Parlimen yang meluluskan Undang-undang Bahasa Kebangsaan. Kedua, peristiwa kekerasan pihak berkuasa terhadap golongan petani yang tidak bertanah, yang meneroka tanah kerajaan secara haram.

Apabila Parlimen meluluskan Undang-undang Bahasa Kebangsaan pada 3 Mac 1967 dan berkuat kuasa selepas 1 September 1967, Baha Zain dan teman-teman penyair menilai implikasi daripada ketetapan itu secara kritis. Mereka menyedari bahawa Undang-undang Bahasa Kebangsaan yang diluluskan oleh Parlimen tidak memenuhi hasrat rakyat yang tidak berbelah bahagi memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam sebuah negara yang telah sedekad merdeka. Malah, undang-undang yang diluluskan itu menatijahkan bahasa Melayu berada di landasan yang lemah untuk berkembang dan membentuk identiti bangsa dan negara. Sementara bahasa Inggeris pula diizinkan penggunaannya di Parlimen dan di mahkamah dengan alasan untuk memberikan peluang kepada mereka yang tidak menguasai bahasa Melayu mempelajarinya. Alasan tersebut hanya mengukuhkan bahasa Inggeris yang telah sedia kukuh penggunaannya sejak zaman penjajahan British.

Baha Zain dan teman-teman penyair tidak berpuas hati terhadap ketetapan Parlimen yang meluluskan Undang-undang Bahasa Kebangsaan, seterusnya

bertindak untuk menyatakan sikap dan pendirian mereka dengan mencipta puisi protes dan mengantologikan 38 buah puisi dengan judul *Keranda 152* dalam bentuk siklostil sebagai simbol kematian bahasa Melayu dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Penelitian mutu puisi dalam *Keranda 152* pula mendapati bahawa jumlah puisi yang bermutu sangat kecil. Puisi Baha Zain termasuk dalam jumlah yang kecil itu. Baha Zain telah mengekspresikan puisinya dengan cukup bertenaga. Puisi Baha Zain, "Dengan Darah" mengungkapkan kemarahannya dengan frasa-frasa "lahirnya dari api", "bentrokkan tulang dan besi", dan "terbakar dan membakar":

Puisi yang dicipta ini  
lahirnya dari api  
di antara bentrokkan tulang dan besi  
kerana telah kuucapkan dulu  
darahkan tumpah lagi.

Segala-galanya terbakar dan membakar  
dada-dada anak muda  
besarnya di rantau derita  
sedarnya di kota dusta.

Baha Zain menunjukkan sikap yang sama dalam puisi "Benteng Akhir" dengan diksinya yang menyarankan pertarungan yang hebat dan mengerikan, seperti "pembunuhan", "pengkhianatan", "kehancuran" dan "mayat-mayat bergelimpangan":

Kita sudah terdampar  
di benteng akhir  
jangan lagi setia  
jangan lagi memberi dan menerima  
tegakkanlah menara  
atas air mata



Pembunuhan  
adalah penyelesaian  
untuk nafas yang berlanjutan dalam pengkhianatan  
untuk keutuhan moral yang tegak atas kehancuran

Pembunuhan  
adalah tugu yang bermenara tinggi  
nikmat yang paling manis  
kemesraan yang paling bersih  
di dada anak-anak nasionalis  
bila senja tiba pasti  
saksikanlah dari puncak menara tinggi  
pesta anak-anak yang menang  
atas mayat-mayat yang bergelimpangan.

Peristiwa penentangan rakyat terhadap keputusan Parlimen meluluskan Undang-undang Bahasa Kebangsaan disusuli pula oleh peristiwa tindakan kekerasan pihak berkuasa terhadap Hamid Tuah dan pengikutnya yang meneroka tanah kerajaan secara haram di Telok Gong, Selangor. Hamid Tuah dan pengikutnya yang tidak bertanah untuk bertani bagi menyara kehidupan keluarga masing-masing, meneroka tanah kerajaan setelah segala permohonan mereka untuk mengusahakan tanah melalui saluran yang betul telah ditolak, dan mereka mengusahakan tanah tersebut hanya setelah rayuan mereka tidak membuahkan hasil yang diharapkan. Malangnya, penerokaan Hamid Tuah dan pengikutnya berakhir dengan peristiwa yang tragis apabila pihak berkuasa dengan keras menghalau mereka, termasuk isteri dan anak-anak yang masih kecil dari tanah yang diteroka itu. Peristiwa itu heboh di seluruh negara.

Para penyair di ibu kota dan di luar ibu kota bersimpati kepada Hamid Tuah dan pengikutnya. Di kota, Usman Awang dan Maarof Saad mengumpulkan sebanyak 60 buah puisi, menyusun dan menerbitkannya dengan judul *Telok Gong*. Semua puisi membawa tema yang sama: 'Kelaparan tanah' dan keadilan kepada petani.

Daripada peristiwa tersebut, Baha Zain mencipta puisi "300 Mereka", menggambarkan tindakan keras pihak berkuasa kepada golongan petani dan beranjak lebih jauh, melihat ke hadapan – melihat akibat yang bakal menimpa keharmonian hidup di Malaysia:

pagi itu embun masih ada  
tiba akhbar membawa 1 berita  
300 orang bersenjata  
dengan bom pemedih mata  
mengepung petani yang tua  
mengepung isteri yang setia  
mengepung anak yang ketakutan  
tak tahu apa

dari berita itu  
kutatap wajah anakku  
seperti anak-anak yang menjadi mangsa  
tak tahu apa-apa

apakah kau harus hidup seperti aku  
bapamu  
atau kau anakku  
bakal hidup di belantara  
menyerang manusia kota  
dengan sebelah tangan memegang senjata  
sebelah lagi menggenggam revolusi  
Che Guevara  
Guevara  
Guevara

Puisi Baha Zain, "300 Mereka", dari satu sisi ialah puisi yang melangsungkan perjuangan ASAS 50 – memperjuangkan kehidupan rakyat murba yang menjadi mangsa pihak berkuasa. Maka, Baha Zain melalui puisi "300 Mereka" telah menjalankan fungsi sosial kerana kemiskinan dan kelaparan adalah antara isu yang masih relevan dan bersinambungan daripada isu yang sedia ada sejak sebelum merdeka.

Keadaan negara pascamerdeka pada dekad 1960-an dipenuhi dengan suasana tegang dengan pelbagai isu yang tidak terselesaikan. Isu-isu politik, ekonomi, perkauman, bahasa, pendidikan, agama dan kemiskinan menyebabkan negara berada dalam keadaan yang meruncing. Baha Zain yang lahir pada zaman penjajah – zaman sebelum Jepun menguasai Tanah Melayu – menjadi anak muda dalam lingkungan usia 26 tahun yang bergelora jiwanya, masih panas ijazah dalam genggam (tidak banyak anak Melayu berkelulusan universiti pada awal dekad 1960-an), bersikap peka terhadap persekitaran politik yang kotor, ekonomi yang pincang dan sosial yang buruk. Semuanya direnung dan dinilai oleh Baha Zain dengan mata fikir dan mata hatinya yang tajam.

Baha Zain bukan sekadar memberikan reaksinya kepada peristiwa yang berlaku dalam negara, tetapi turut memberikan reaksinya terhadap peristiwa yang berlaku di luar negara. Puisi “Rayuan Wanita Asia” misalnya merupakan reaksi Baha Zain terhadap peristiwa yang tercetus di Vietnam. Tentera Amerika Syarikat menceroboh Vietnam dengan senjata canggih (ketika itu) bagi membendung peluasan ideologi komunisme. Agenda itu mengakibatkan tentera Amerika Syarikat melakukan pembunuhan dan menghancurkan negara Vietnam dengan “bahang ledakan”. Lebih daripada itu, mereka turut membawa penyakit kelamin kepada wanita Vietnam.

Dalam keadaan negara dimusnahkan oleh “bahang ledakan” dan kehidupan menjadi kucar-kacir, Baha Zain memperjuangkan nasib wanita Vietnam bagi meneruskan kelangsungan hidup (*dolar*), bukannya untuk menderita akibat penyakit (gonorea). Dengan menggunakan teknik dialog dan bahasa kolokial, Baha Zain mengungkapkan pembelaannya bagi pihak wanita Vietnam, “Oh, Jo, gip me yor dolar/not yor napam, not yor gonoria”.

"Rayuan Wanita Asia" yang dihasilkannya pada tahun 1968 menarik untuk dilihat dari beberapa sisi. Yang jelas, Baha Zain tidak menuangkan kemarahan secara ketara sebagaimana dalam puisi "Dengan Darah" dan "Benteng Akhir". Baha Zain telah mengawal emosinya dengan diksi yang lebih lembut dan kesan sindiran yang lebih halus. "Apa lagi yang bisa kuberi/semua kemboja layu dalam bahang ledakan/semua wanita rahimnya telah kauisi/..." adalah antara urutan diksi yang melembutkan dan memperhalus pengucapan Baha Zain.

"Rayuan Wanita Asia" juga bukan lagi judul yang polos dan kelihatan tidak indeksikal kepada persoalan puisi sebagaimana kelaziman dalam kebanyakan puisi tanah air, sebaliknya, rujukan pada persoalan yang dikemukakan hanya disadari terdapat dalam puisi tersebut apabila pembaca dapat mendalami makna persoalannya pada judul yang ambiguiti sifatnya, yang dibinanya secara sinekdoki pada bahagian *totem pro parte*.

Mencipta judul secara majas atau memberikan ambiguiti pada judul menampakkan Baha Zain menyaring kata dan makna dengan cukup berhati-hati. Baha Zain melakukan penggandaan makna atau melakukan penyimpangan makna, sesuai dengan "kerja" yang ditukangnya, karya seni. Keupayaan membina judul sedemikian – termasuk judul puisi pada dekad berikutnya – merupakan satu daripada keistimewaan Baha Zain kerana memulakan puisinya untuk tatapan pembaca dengan nilai estetik, seperti puisi "Gelombang Kenangan", "Semula Kita Hanya Dua Figura" dan "Malam".

"Rayuan Wanita Asia" dari sisi penelitian sejarah perpuisian Baha Zain juga sangat penting kerana pengucapannya menjadi model kepada kebanyakan

pengucapan Baha Zain dalam puisinya yang terkemudian. Sindiran dan nada mengejek yang berbaur sinis – halus dan tajam – mengalir lancar dalam puisinya yang mengungkapkan kebenciannya terhadap manusia berkuasa yang licik, mentah keputusannya untuk rakyat, tidak jujur, takut mengatakan kebenaran dan sebagainya.

Salah satu puisi Baha Zain pada tahun 1969 yang tidak dapat disisihkan pembicaraannya ialah “Surat 1 Januari 2000” dan lebih awal beberapa bulan daripadanya ialah puisi berjudul “69” yang merupakan kesaksian awal bahawa dalam diri Baha Zain terkandung daya tanggapannya yang berayunan dalam masa kini, masa depan dan masa lalu. Maka, “Surat 1 Januari 2000” bukanlah sekadar *signifier* dan *signified* tentang masa depan; berakhirnya abad ke-20; dan bermulanya abad ke-21, tetapi, puisi tersebut merupakan intuisi dan daya renung tajam Baha Zain pada tahun 1969 tentang fenomena yang bakal berlaku 31 tahun yang akan datang. Baha Zain yakin bahawa pada tahun 2000, “di sini sana komputer telah dewasa” tetapi, “di mana-mana kemanusiaan masih remaja”.

Baha Zain juga secara anafora menegaskan bahawa perjuangan untuk hidup pada tahun 2000 masih tetap mengulangi isu yang sama yang pernah berlaku pada dekad 1960-an:

mereka berjuang untuk bisa bertanya  
mereka berjuang untuk tanah seinci  
mereka berjuang untuk seorang petani  
yang lebih berjasa dari seorang tentera  
mereka berjuang untuk roti sebuku  
yang lebih berharga dari seribu peluru.

Lebih sedekad tahun 2000 berlalu. Yang dibayangkannya 31 tahun dahulu telah tertayang kenyataannya di depan mata Baha Zain. Baha Zain melihat bidang komputer berkembang pesat; kemanusiaan makin menipis dalam diri kebanyakan orang kerana tuntutan materialistik dan individualistik; dan pergelutan untuk kelangsungan hidup masih terdapat di mana-mana – di kampung-kampung jauh dan di bandar-bandar besar dan kecil.

Siratan daripada ungkapan tentang masa depan itu menunjukkan puisi bagi Baha Zain bukanlah perakam zaman atau mendokumentasikan peristiwa yang berlaku dalam sesuatu zaman itu semata-mata. Puisi haruslah mengisi pandangan yang mendahului zamannya, merenung jauh masa depan dengan segala kemungkinannya berdasarkan masa kini yang ditentukan perjalanannya dari masa lalu dan masa depan yang dapat dibayangkan dari keadaan masa kini.

Ayunan masa lalu dan masa depan dalam masa kini akan kerap ditemukan dalam puisi Baha Zain pada dekad berikutnya. Ayunan tersebut bagi Baha Zain merupakan hakikat kehidupan bahawa dalam diri manusia masa kini, sentiasa ada masa lalu dan bayangan masa depan.

Baha Zain meninggalkan dekad 1960-an dengan beberapa puisi yang membekaskan tanda yang menjadi landasan pemikiran dan corak pengucapannya apabila kepenyairannya menganjak ke dekad 1970-an. Nada protes dengan kesan sinikal yang lebih halus dan larutnya ironi dalam urutan diksi puisinya menjadikan ironi kerap tenggelam dalam pemerhatian peneliti kerana sinisme lebih menonjol sehingga pesan tersiratnya kerap "ditelan sepi".

Pada awal dekad 1970-an juga, Baha Zain telah menemukan corak pengucapan yang baharu – yang tidak pernah menjadi pengucapannya pada dekad 1960-an. Baha Zain telah menggunakan ketidaklangsungan ekspresi dalam sejumlah pengucapan puisinya. Corak pengucapan tersebut merupakan perkembangan yang menarik dalam sejarah perpuisian Baha Zain dan sekali gus mengukuhkan kepenyairannya di tanah air dan di peringkat antarabangsa.

Dalam puisi yang bercorak ketidaklangsungan ekspresi itu, 'struktur batin' puisi tidak lagi polos. Maka, pembaca yang menatap puisi-puisi tersebut sukar untuk memahaminya, memahaminya secara samar-samar atau bermain-main dengan teka-teki yang tidak berkesudahan. Maka, sejumlah besar puisi Baha Zain dalam kategori tersebut akhirnya terpinggir daripada pembicaraan kritikawan puisi dan tersimpan dalam album sejarah puisi dekad 1970-an.

"Malam Sarat Mengandung Kisah", "Malam Berbau Lilin", "Bisikan di Waktu Lenggang", "Fantasi Malam Sepi", "Di Tepi Sebuah Kolam, dalam Satu Lautan Impian", "Semula Kita Hanya Dua Figura", "Perempuan", "Lilak", dan "Apakah Alamatnya" yang terdapat dalam kumpulan puisinya, *Perempuan dan Bayang-bayang*, *Dari Kertas Catatan Tengah Malam*, dan *Tiga Catatan Perjalanan* termasuklah puisi Baha Zain dalam kategori yang diperkatakan itu dan hampir tidak dibicarakan oleh kritikawan puisi.

Bahasa yang diungkapkan dalam puisi tersebut juga semacam representatif bahasa puisi yang menjadi identiti Baha Zain. Bagi Baha Zain, "menulis puisi memberikan kebebasan kepada kata-kata. Kita tidak lagi memulas kata-kata untuk tunduk kepada erti yang dipaksakan oleh ahli bahasa. Penyair sekali gus

menemukan kebebasannya. Dia hanya menyerahkan kepada bahasa pengalaman dan imajinasinya.”

Pernyataan Baha Zain tentang bahasa puisi itu antaranya merujuk kepada metafora – dalam pengertian yang lebih luas daripada pengertian biasa – dan ambiguiti yang mengisi hampir setiap kata, frasa dan baris puisi yang diungkapkannya dengan menggunakan ketidaklangsungan ekspresi. Dengan ini, puisi bagi Baha Zain bukan lagi mimesis yang memperkaya pengalaman hidup pembaca secara mudah. Puisi ialah pengayaan halangan mimesis yang menuntut pembaca ‘meruntuhkannya’ terlebih dahulu sebelum mendapatkan makna penuh.

“Topeng-Topeng” dan “Menanggihkan Kebenaran” yang memenangi Hadiah Karya Sastera yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1971, adalah antara puisi yang menggunakan ketidaklangsungan ekspresi. Kedua-dua puisi ini sering disoroti kritikawan puisi. Meskipun sorotan tidak menerobos kedalaman makna dan pemikiran Baha Zain atau tidak mengapungkan makna penuh secara jelas, kritikawan puisi mengakui bahawa “Topeng-Topeng” dan “Menanggihkan Kebenaran” ialah puisi Baha Zain yang kuat. Malah, “Topeng-Topeng” dan “Menanggihkan Kebenaran” bukan sahaja diterima sepanjang zaman kerana persoalannya yang sentiasa relevan, tetapi akhirnya menjadi *sinsign* kepada Baha Zain.

Puisi “Perempuan” juga mempunyai kekuatan dari segi pengucapan dan persoalannya. Baha Zain melalui metafora dan ambiguiti dalam puisi “Perempuan” membicarakan kehidupan. Dalam baris pertama bait pertama puisi “Perempuan” telah terlihat unsur falsafahnya apabila Baha Zain secara metaforikal mengungkapkan, “Rambutmu hutan-hutan hijau yang tebal” yang menyirat makna



bahawa kehidupan yang dapat dilihat secara jelas dengan mata kasar sebenarnya menyembunyikan rahsia yang tidak dapat dilihat secara jelas dengan mata kasar. Malah, dalam kehidupan ini terlalu banyak rahsia yang tidak kita ketahui.

Maka, Baha Zain dalam puisi “Perempuan” tidak berbicara tentang perempuan dan keberahiannya. Kata, frasa dan baris yang penuh metafora dan ambiguiti yang menimbulkan gambaran erotik tidak lebih daripada pemerian dengan lapisan bawahnya apabila diapungkan, membicarakan persoalan lain.

Puisi “Di Tepi Sebuah Kolum, dalam Satu Lautan Impian” merupakan impian Baha Zain tentang generasi akan datang atau bangsa yang mempunyai jati diri (satu impian yang jauh lebih awal daripada propaganda pembentukan jati diri yang ditimbulkan dalam media elektronik pada abad ke-21 ini). Baha Zain menyatakan bahawa orang yang kental dan berjiwa besar sahaja yang dapat membina jati diri dan dapat meninggalkan usaha besar untuk dinikmati oleh generasi terkemudian yang harus diasuh supaya kental dan berjiwa besar juga. Dapat mengharungi segala bentuk cabaran yang datang menguji diri dan memperkukuh azam untuk mencapai cita-cita dalam cabaran merupakan ujian penting kepada diri yang kental dan jiwa yang besar. Baha Zain mengungkapkan persoalan tersebut secara metafora dan ambiguiti dalam bait kedua, bait ketiga, bait keempat dan bait kelima.

Bait pertamanya, secara metafora dan ambiguiti juga, Baha Zain menggambarkan usaha orang yang berjiwa kecil tidak dapat meninggalkan kesan kepada generasi yang akan datang kerana cabaran yang datang menguji akan menghilangkannya:

gelombang merobah lerengan pasir  
menghapuskan bekas kaki kecil ketam  
atau gundukan batu yang besar  
semuanya akan merata di bawah pukulannya  
yang pergi dan datang lagi  
dari satu ketika ke lain musim  
dari satu gelora ke lain peristiwa.

Puisi Baha Zain yang menggunakan ketidaklangsungan ekspresi juga mantap gagasannya. Gagasan setiap bait bertaut erat dan membentuk gagasan keseluruhan puisi. Meneliti hubungan struktural antara unsur yang membangun keseluruhan puisinya (dalam penelitian yang lebih rinci) akan terlihat dengan jelas tentang gagasannya yang mantap itu.

Puisi Baha Zain yang ketara ketidaklangsungan ekspresinya dan yang kurang menonjol metafora dan ambiguitinya memang kaya dengan kritik sosial atau protes. Puisi "Itu Pil-pil Klinik Perancang Keluarga" dan "Belajar Jadi Dewasa" adalah antara dua contoh puisinya yang mengungkapkan kritik sosialnya. Meskipun begitu, kasih sayang, percintaan, kesedihan, ketuhanan, kemanusiaan, keindahan alam dan sebagainya dapat ditemukan dalam puisinya. Kesedihan, dapat ditemukan dalam puisi "Ayah" dan "Sepi Pun Datang di Perjalanan yang Panjang".

Diksi dalam puisi "Ayah" dan "Sepi Pun Datang di Perjalanan yang Panjang" menimbulkan suasana kesyahduan tentang ikatan kekeluargaan yang luhur. Pembaca dapat menghayati aspek emotifnya yang terkawal. Malah, pembaca dapat membalikkan perasaan itu kepada diri masing-masing untuk merenung hubungannya sebagai anak dengan ibu bapanya, kesan daripada pengakuan jujur Baha Zain:

waktu tua memendam nestapa  
bersama tubuh yang dingin  
lewat hari-hari yang tak gembira  
dari keasingan si bungsu  
tapi aku tak menduga sayangmu  
tak mengukur korban usia tua  
sekaliannya sudah selesai dan terlewat

Hakikat bahawa betapa akrab pun hubungan anak dan ibu akan berakhir dengan 'perpisahan', diungkapkan oleh Baha Zain dalam bait akhir puisi "Sepi Pun Datang di Perjalanan yang Panjang":

Pemergianmu tanda putusnya mesra yang lama  
putusnya pengorbanan ibu pada kami  
berhenti lewat nestapa dan syukur  
kita sempat bermaafan dan mengenal cinta yang luhur  
ibu, aku telah mencoba  
tapi Tuhan lebih pintar dari ikhtiar manusia  
pada kebesarannya engkau kembali  
dan kami tertegun sepi

Alam muncul dalam puisi Baha Zain dengan lukisan keindahannya. "Alamku yang Hijau" melukiskan pemandangan di permatang dengan anak-anak yang riang, yang semuanya menggambarkan keneutralannya:

anak-anak yang berlari di permatang  
di kirinya air di kanannya air  
anak-anak yang berlari-lari di permatang  
di kirinya hijau di kanannya hijau  
hai anak-anak yang riang  
di depanmu betapa indahnyanya tanah memanjang

...

Keindahan alam sebagai ciptaan tuhan dan keinsafan akan kerdilnya diri diungkapkan oleh Baha Zain dalam puisi "Bahasa Alam" dengan enjambemen sebagai perenungan pada setiap baris sebelum berpindah pada renungan dan pengalaman pada baris berikutnya:

Kehijauan adalah bahasa alam  
yang minta diabadikan  
Tuhan Maha pencipta dan manusia  
Kecil di dalamnya  
Dialah penyair yang melukiskan  
mendung dan warna  
kita manusia resah tertegun  
dalam sinarNya.

Desa dan diri tidak terpisah dalam kehidupan Baha Zain. Meskipun kota menyediakan segala kemudahan dan menyediakan juga kebobrokan yang harus diterimanya sebagai pengungsi yang tidak mungkin lagi kembali menetap di desa, sesekali Baha Zain kembali ke desa bersama ingatan masa lalunya. Kenangannya subur pada alam persekolahannya, kepada gurunya dan kepada ayahnya yang tidak menzahirkan rasa bangga apabila beliau mendapat pangkat pertama. Baha Zain mengungkapkan kenangannya itu dalam puisi "Di Kota Kecilku" dan menutupnya dengan suara yang pasrah pada waktu:

Di sinilah anak desa  
menenal dunia  
di kota kecilnya  
padang Speedy  
dan Durian Sebatang  
meski berubah pandangan  
mengimbau rindu dan kenangan,  
sayang.

Puisi Baha Zain sebahagiannya dapat dianggap sebagai autobiografinya.

*Jalan Desa ke Kota* sebahagiannya mengisi autobiografi yang lebih jelas daripada kumpulan puisinya yang awal. Ingatan kepada ayah, zaman remaja dan cinta yang berakhir dengan kehidupan berumah tangga, anak yang tidak melupai hari lahir ayah dan kesepian yang menerpa diri dalam usia yang meningkat adalah antara persoalan yang diungkapkan olehnya dalam puisi “Jalan Desa ke Kota”.

Baha Zain dalam puisinya “Pilihan Usia” melakukan introspeksi dengan mengungkapkan:

Bila aku lapan belas  
aku tidak memilih kesenangan  
tetapi cinta  
bila aku tiga puluh  
aku tidak memilih perubahan  
tetapi revolusi  
bila aku empat puluh  
aku tidak memilih resah  
tetapi sepi  
bila aku dewasa  
aku tidak memilih khayalan  
kecuali yang pasti  
tanpa ketakutan lagi.

Bahasa yang menjadi perjuangan awal Baha Zain berterusan sepanjang perjalanan usianya. Kesedaran tentang pentingnya bahasa ibunda di dalam negara sebagai identiti bangsa Malaysia dan impian pelaksanaannya yang benar-benar jujur, dilihatnya selalu berakhir dengan ironis – dengan harapan yang dikecewakan. Akhirnya Baha Zain dalam puisi “Impian Seorang Seniman” memilih sarkasme sebagai antonimnya dengan mengungkapkan:

tetapi sekiranya kita akan mati  
esok, lusa atau hari ini nanti  
dan bahasa ibunda tidak laku  
itu bukan salah kita  
itu adalah urusan orang di dunia  
yang terlalu bodoh menguruskan maruahnya.

Tentang nasib bahasa Melayu pada masa depan yang sepenuhnya terletak kepada bangsanya untuk menguruskan merupakan tanda bahawa masa depan sebahagian daripada persoalan yang menjadi pembicaraannya. Bahkan, dapat dikatakan bahawa keseluruhan puisi Baha Zain sejak awal hingga mutakhir ini tidak pernah berhenti melayang ke masa lalu dan masa depan dalam masa kininya.

Bahasa dalam puisi Baha Zain dapat dilihat dari beberapa sudut. Secara visualnya, terdapat puisinya yang terdiri daripada sintaksis yang panjang sehingga ada yang kelihatan agak prosaik. Puisinya terdiri daripada sintaksis yang pendek dan kelihatan teknik enjambemen. Sama ada sintaksis puisinya panjang ataupun pendek, Baha Zain cukup teliti membinanya dengan saringan yang ketat. Baha Zain mempertimbangkan urutan diksi, makna yang denotasi dan konotasi, dan bunyi yang merupakan sebahagian daripada unsur estetik puisi. Dengan saringan ini, dalam nafas yang panjang ataupun pendek, bahasa Baha Zain mencukupi dan tidak lewah dalam usahanya menyampaikan makna yang konotatif kepada pembaca dan membentuk sifat "kekhususan" bahasa yang digunakannya sebagai gaya pengucapan peribadinya.

Demikian Baha Zain sebagai penyair telah memberikan sumbangan yang besar dalam sejarah perpuisian Melayu moden Malaysia. Peristiwa di dalam dan di luar negara yang memberikan kesan kepada dirinya akan melahirkan persepsinya.

Manusia berkuasa yang menyalahgunakan kuasa selalu menjadi kritiknya. Kehidupan tidak dilaluinya begitu sahaja kerana beliau merenung dan menilainya. Alam selalu menenangkan jiwanya kerana dari alam tidak lahir propaganda dan tingkah laku yang meloyakannya.

# ESEI DAN KRITIKAN

Selain puisi, kepengarangan Baha Zain juga menyerlah dalam penulisan genre esei dan kritikan. Baha Zain sebagai seorang eseis dan kritikawan sangat dihormati. Pengalaman sebagai penyair sebenarnya memberikan kelebihan kepada Baha Zain dalam menghasilkan esei kritikkannya. Kelebihan ini dapat dilihat pada ketajaman daya tanggap dan penggunaan bahasa yang baik serta gaya yang menarik. Bagi Baha Zain, kritikan ialah gabungan antara sains dengan seni. Hal ini kerana bahasa kritikan sastera ialah bahasa seniman. Justeru, bahasa yang digunakan seharusnya bersifat kreatif, yang memberikan kaedah kepada pengarang untuk memilih cara yang terbaik untuk mengungkapkan idea kesan daripada pembacaan dan daya tanggapnya terhadap sesebuah karya. Bagi Baha Zain, kritikan juga dianggap sebagai genre yang bersifat sains kerana memerlukan fakta dan hujah dengan pemilihan kata dan binaan ayat yang cukup berkesan.

Namun agak menarik juga apabila Baha Zain pernah mencatatkan bahawa menulis esei tidak seperti mencipta puisi kerana tujuannya adalah untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Harus ada kewajarannya dengan persekitaran dan mampu membijaksanakan. Gaya dan bahasa tidak harus menyukarkan tetapi harus pula menyegarkan rasa bahasa orang lain. Pandangan Baha Zain ini bukan bermaksud bahawa penyair tidak mampu menjadi eseis yang baik, malahan kemahiran dalam mencipta puisi memberikan kelebihan dalam penulisan esainya, terutamanya dalam menghasilkan esei kritikan yang kelihatan sederhana, tetapi tajam mengemukakan hujah, tersaring pemilihan katanya, dan bersifat ekonomis



dalam tulisannya. Hal ini menjadikan Baha Zain sebagai esais yang puitis yang sentiasa menarik perhatian pembaca.

Untuk melakukan pentafsiran dan penilaian, seseorang harus tahu akan hakikat kesusasteraan. Persediaan yang besar dituntut daripada pengkritik. Latar belakang pembacaan yang luas, rasa seni yang tinggi, kematangan fikiran dan kemampuan menilai dan menghakimi adalah antara persediaan yang terlebih dahulu harus ada pada setiap pengkritik yang mahu berbicara dan mengkritik. Sebagai pengkritik dan esais sastera yang dihormati, Baha Zain sendiri telah menyediakan dirinya ke arah itu dengan ilmu dan bacaan pengetahuan yang luas. Dalam buku *Mendekati Kesusasteraan* (1986) yang diselenggarakan oleh beliau, Baha Zain turut menulis satu daripada empat penulisan dalam buku itu, iaitu bahagian "Kajian Kesusasteraan dan Kritikan Kesusasteraan". Baha Zain menyedari bahawa kajian kesusasteraan mahupun kritikan kesusasteraan merupakan tradisi yang amat muda di Malaysia (pada ketika itu). Kajian kesusasteraan sebagai cabang ilmu atau disiplin berada antara sains dengan seni. Kajian kesusasteraan tidak dapat membebaskan dirinya secara mutlak daripada unsur kemanusiaan yang menjadi objek kajiannya, daripada subjektiviti serta imaginasi pengkaji terutama pada tahap pentafsiran dan penilaian, dan akhirnya dalam penyajian atau gaya penulisan hasil kajian itu.

Bagi Baha Zain, bantuan ilmu dari luar tidak seharusnya disekat atas alasan kemalasan atau kesombongan nasionalisme. Sebagai pengkaji, Baha Zain menyedari kritikan kesusasteraan yang pernah dibahagi-bahagikan atau dikotak-kotakkan menurut sifat, tujuan atau sejarahnya tetapi pembahagian itu bukan bermakna tiada hubungan langsung antara satu entiti dengan entiti yang lain.

Baha Zain percaya bahawa karya seni memiliki entitinya sendiri dan harus ditinjau dari dua segi yang berhubungan, iaitu apa yang dikenal sebagai isi dan bentuk, atau apa dan bagaimana. Apa-apa yang diucapkan memanglah penting tetapi bagaimana mengucapkannya juga penting. Dalam pengkajian, pengkritik mungkin mahu menyatukan pelbagai pendekatan dan Baha Zain mengingatkan bahawa apa pun yang mahu dilakukan haruslah ada hubungannya dengan soal analisis, tafsiran atau penilaian hasil sastera itu sendiri. Baha Zain melihat kaedah yang cukup praktis dan berguna untuk kajian kesusasteraan Malaysia ialah kaedah atau metode yang bersifat multidimensi dan integratif yang menyatukan pendekatan formalistik atau analitis dengan pendekatan sejarah, biografi, dan sosiologis atau pendekatan ekstrinsik lainnya yang dapat membantu menerangkan karya itu.

Sebagai pengkritik dan esais, beliau menggunakan nama Baharuddin Zainal, manakala Baha Zain digunakan apabila beliau mencipta puisi. Biarpun Baha Zain telah menghasilkan sejumlah besar esainya yang diterbitkan dalam majalah dan akhbar, tetapi dua buah buku yang menghimpunkan esainya dapat dianggap sebagai himpunan esei Baha Zain yang memancarkan pemikirannya tentang bahasa, sastera, budaya, sosial, ekonomi dan politik. Buku tersebut, iaitu *Esei Sastera Baharuddin Zainal* (1980) yang diselenggarakan oleh Hamzah Hamdani dan *Esei & Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya* (2002) yang diberikan kata pengantar oleh A. Rahman Shaari. Baha Zain kemudian kembali menulis sebagai kolumnis "Monolog Kecil" dalam majalah *Dewan Sastera* mulai bulan Julai 2005 hingga sekarang.

Kumpulan *Esei Sastera Baharuddin Zainal* memuatkan 42 esei yang mewakili lebih daripada 102 esei dan kritikan yang telah dihasilkan sejak tahun

1960 hingga tahun 1978. Esei yang dikumpulkan ini merupakan sejumlah esei awal Baha Zain yang memperlihatkan pemikirannya dalam membicarakan perkembangan kesusasteraan di Malaysia pada dekad 60-an dan 70-an, jangka waktu yang dianggap penting dalam perkembangan kesusasteraan di Malaysia selepas merdeka. Baha Zain mentafsirkan fungsi sastera dalam pembentukan masyarakat dan menanamkan nilai unggul terhadap seninya melalui konsep yang menjadi polemik sasterawan Melayu pada tahun 50-an yang memperjuangkan konsep "seni untuk masyarakat" dan "seni untuk seni".

Sebagai pemikir sastera yang kritis, Baha Zain membicarakan permasalahan, nilai dan peranan kesusasteraan di Malaysia dengan idea yang menarik, teliti dan matang. Hal ini dapat dinilai dalam esei "Sastera Lama dalam Masyarakat Moden", "Sastera Nasional", "Masalah Sasterawan Malaysia", "Peranan Penulis dalam Negara Membangun", "Bahasa Sebagai Alat Pengucapan dalam Kesusasteraan", "Mengatur Strategi Sastera Budaya, dan "Pengembangan Bahasa dan Kesusasteraan". Baha Zain melihat secara serius kepentingan hubungan sastera klasik dengan sejarah, psikologi dan pembentukan jati diri kemasyarakatan dan tidak seharusnya melihat sastera klasik hanya pada aspek dongengannya. Tanggapan beliau ini berdasarkan penelitian dan penemuannya ketika mengusahakan transliterasi dan penyusunan *Hikayat Bakhtiar*, *Hikayat Umar Umayyah* dan *Hikayat Chekel Waneng Pati* yang menerima hadiah UNESCO sebagai bahan bacaan tambahan terbaik.

Melalui tulisannya, Baha Zain menyedari peranan kritikan dalam pembinaan sastera dan menginginkan sebuah tradisi kritikan yang kukuh. Beliau mengupas kriteria kritikan sastera yang baik dalam "Membina Pertumbuhan Tradisi

Kritikan Sastera yang Kuat”, “Kritikan dan Kesusasteraan”, “Orang-orang Baru dengan Tradisi Kritikan Baru”, dan “Kenapa Kecilnya Dunia Kritikan”. Tulisan ini memperlihatkan pemikiran Baha Zain tentang bentuk kritikan dan analisis kesusasteraan. Kesedaran ini ketara hasil hubungannya dengan tokoh sasterawan Indonesia ketika beliau melanjutkan pelajaran di Fakultas Sastera, Universitas Indonesia pada tahun 1972. Dalam tulisannya “Esei Kesusasteraan yang Diperlukan Sekarang,” Baha Zain yang pernah menjadi editor majalah *Dewan Sastera* menghujahkan tentang ciri dan kualiti penting esei kesusasteraan yang diperlukan oleh majalah *Dewan Sastera*. Menurut Hamzah Hamdani, kritikan Baha Zain dalam kumpulan ini dianggap mewakili gaya beliau sebagai pengkritik.

Tiga buah esei Baha Zain dalam kumpulan esei ini secara khusus menganalisis karya daripada tiga orang penulis yang karyanya menjadi penanda aras dalam konteks perkembangan kesusasteraan di Malaysia dan Indonesia. Melalui eseinya “Memperkatakan Sajak ‘Sidang Roh’ dan ‘Penyairmu’ Ciptaan Kassim Ahmad”, Baha Zain menganalisis dan mentafsir tentang keberanian Kassim Ahmad sebagai penyair yang memperkatakan tentang kemunafikan sesetengah orang, tentang erti dan nilai kehidupan, dan pentafsirannya bahawa kehidupan itu adalah keseimbangan antara lapangan material dengan lapangan kejiwaan. “Sidang Roh” pernah mencetuskan kontroversi akibat tafsiran sesetengah pihak yang menganggap Kassim Ahmad mempersendakan agama.

Dalam analisis sajak “Penyairmu”, Baha Zain mananggapi bahawa sajak ini menyarankan sikap penyair agar jangan terlalu egoistik dan melupakan tanggungjawabnya kepada manusia. Esei “Merahnya Merah: Satu Pencarian Bentuk Seni dan Erti Kemanusiaan”, Baha Zain membuat tafsiran dan penilaian

terhadap rintangan dan halangan manusia yang melalui konflik fizik, batin dan intelektual sewaktu mencari erti kehidupan. Novel *Merahnya Merah* yang dianalisis Baha Zain merupakan karya Iwan Simatupang, penulis yang memberikan impak dan pembaharuan dalam perkembangan sastera Indonesia. Puisi "Padamu Jua" karya penyair mistik Amir Hamzah yang terkumpul dalam kumpulan *Nyanyi Sunyi* yang ditulis antara tahun 1936 dan 1937, ternyata menarik perhatian Baha Zain apabila beliau menggunakan pendekatan psikoanalisis dan persejajaran serta unsur tradisi untuk mentafsir dan memahami realiti kerelevanan puisi Amir Hamzah hingga kini. Sebagaimana Baha Zain menilai Amir Hamzah, begitu juga Baha Zain mengesan kehadiran penulis dan pelukis Latiff Mohidin, khususnya dengan meneliti sikapnya terhadap alam dan interaksinya dengan manusia melalui puisinya "Sungai Mekong". Baha Zain membandingkan Latiff Mohidin dengan penyair Indonesia, Chairil Anwar.

Ruang tulisan kritis Baha Zain turut mencakupi hubungan antara sastera dengan budaya. Beliau melihat realiti sosial dan konflik nilai hasil pertembungan kebudayaan tradisi Timur dan Barat apabila Baha Zain menganalisis novel *Seroja Masih di Kolam* karya Adibah Amin. Dalam esei "Orientasi Kebudayaan", Baha Zain menyedari akan kepentingan apresiasi dan nilai kesenian dan budaya bangsa apabila beliau menyarankan pembentukan sebuah Akademi Seni sebagai pusat untuk mengkaji situasi kebudayaan, pembangunan budaya serta seni dan sastera. Pandangan awal hasil daripada resolusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 kemudiannya telah melahirkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Malaysia (ASWARA) pada tahun 1993. Antara fikiran menarik Baha Zain tentang budaya terpapar dalam esainya "Pengurusan Kebudayaan Masa Depan", iaitu tentang perlunya pemikir budaya memikirkan aspek pengurusan budaya dan kesan sosialnya serta cabaran budaya pada masa depan.

Dalam buku *Esei & Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya*, Baha Zain memberikan tumpuan pada peranan, tugas dan tanggungjawab penyair serta penulis dalam masyarakatnya. Bagi Baha Zain, peranan penulis esei atau pengkritik ialah berkomunikasi dengan masyarakat dan mampu melahirkan pandangan yang bijaksana. *Esei & Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya* menghimpunkan 16 esei yang ditulis sejak tahun 1987 sehingga tahun 1996, lima esei membicarakan lima orang tokoh penyair penting tanah air. Menurut Rahman Shaari yang menulis kata pengantar buku ini, esei dalam buku ini berisi pernyataan, tanggapan dan pemikiran Baha Zain yang diasaskan kepada keadaan kesusasteraan di Malaysia dalam tempoh tersebut. Namun setelah menilai esei tersebut, dapat dilihat kerelevanannya dengan masa kini. Hal ini demikian kerana menurut Rahman Shaari, daerah kebudayaan dan kesusasteraan dalam fakulti pemikiran Baha Zain amat luas.

Dalam esei "Penulis dan Dunianya: Satu Kritik Diri", Baha Zain meneruskan pembicaraan terhadap peranan penyair dalam arus pembangunan zaman. Kupasannya mendalam mengenai peranan penyair dan seniman. Tulisan ini cukup penting sebagai renungan pengarang mutakhir dan calon penulis. Penyair dan penulis tidak seharusnya hidup dalam kepompong dunianya yang tersendiri bagai orkid dan angerik yang disusun indah untuk dipamerkan dalam keramaian majlis atau dieksport ke luar negara sebagai hiasan. Mereka perlu keluar membicarakan soal ketidakadilan dan kejahatan sosial seperti nepotisme, rasuah dan krisis politik di negaranya. Secara tegas Baha Zain menyatakan tentang tugas penyair, komitmennya terhadap kebenaran dan kebebasan, dan terhadap yang benar dan mungkin. Pandangan ini sebenarnya disampaikan Baha Zain dalam ucapannya ketika menerima Anugerah Penyair GAPENA semasa Hari Puisi Nasional Kesebelas 1988 di Kuala Terengganu.

Ketika berdepan dengan konflik yang menyoal erti kebebasan dunia kepenyairan dan sikap penyair yang cenderung memandang ke belakang, Baha Zain menyatakan pendirian dan menyoal penulis yang jahil tentang maksud tradisi dalam esainya "Puisi dalam Tradisi dan Kebebasan". Baha Zain memahami dan mempertahankan nilai unggul tradisi bangsa tetapi nilai yang membaku dan melembaga tidak selamanya perlu dipertahankan sebaliknya penyair perlu kreatif dan membebaskan diri dalam pengucapannya daripada tekanan emosi dan perasaan yang ditimbulkan oleh tradisi kerana baginya penyair harus menjadi orang yang bukan hanya kreatif, tetapi kritis dan mempunyai komitmen intelektual.

Sikap kritis Baha Zain terhadap komitmen penulis dan pengkritik dalam hubungannya dengan golongan *establishment*, iaitu kekuasaan dan peranan politik dan pihak pemerintah dijelaskan dalam esainya "Penulis Sebagai Pengkritik Zaman". Esei ini membicarakan erti penulis, pengkritik dan zamannya, tetapi pada masa yang sama cuba membezakan peranan dan hubungan masing-masing. Penyair perlu memberikan yang terbaik daripada bakatnya, harus menyelami dirinya, melakukan analisis dan kritikan diri yang hebat secara rasional dan objektif. Bagi Baha Zain, golongan penulis, intelektual dan seniman perlu memberikan tanggungjawab sosial melalui sikap timbang dan periksa dalam memperjuangkan cita-cita bangsa dan kepentingan rakyat. Dalam hal ini, Baha Zain membandingkan beberapa penulis terkenal Indonesia dengan tokoh sasterawan Amerika Latin dan novelis terkenal Mesir seperti Naguib Mahfouz yang mengkritik golongan berkuasa dan birokrat negara.

Baha Zain melihat perkembangan puisi Melayu sejak tahun 1930-an hingga tahun 1980-an, telah melalui pelbagai tema dan gaya dalam proses

menuju kemodenan yang membawa kepada pertembungan antara tradisi klasik sebagai akarnya dengan unsur baharu sehingga berlaku ketegangan, baik dalam perasaan penyair mahupun kata-katanya dalam esei "Puisi Melayu Mutakhir". Esei ini sebenarnya memperkatakan dua golongan penyair, iaitu golongan yang telah mencipta nama sebelum merdeka yang memperjuangkan kemerdekaan dan nasib rakyat lewat puisi-puisi mereka dan golongan kedua yang muncul selepas merdeka. Golongan ini yang terdedah kepada pendidikan formal menjadi lebih kritis terhadap pemimpinnya sendiri dalam menyuarakan kepincangan sosioekonomi rakyat negara ini. Perjuangan sosial pada zaman sebelum merdeka diteruskan tetapi dengan gagasan yang baharu. Secara sinis, Baha Zain turut melihat bagaimana penyair prososialis yang dahulu memihak kepada rakyat miskin dan mengkritik kehidupan sosial, kini mewarisi apa yang dikritiknya. Kemunculan penyair baharu yang lebih muda dengan penggunaan bahasa yang lebih bersih dan segar yang bebas daripada gaya bahasa Usman Awang tetapi melanjutkan kekentalan bahasa Muhammad Haji Salleh dan Latiff Mohidin. Pada masa kemunculan penyair baharu ini, dunia penerbitan cetak, iaitu penerbitan sastera sebenarnya sedang disaingi oleh media elektronik. Serentak dengan perkembangan ini juga, muncul isu yang cukup signifikan ketika itu, iaitu tentang kebangkitan kesedaran Islam yang kemudiannya membawa kepada pertumbuhan puisi yang bersifat keagamaan. Baha Zain turut menanggapi isu tersebut, bahawa perkembangan tersebut bukanlah sesuatu yang baharu kerana pada tanggapannya manusia Melayu dan budayanya telah lama berlandaskan nilai dan norma Islam. Baha Zain melihat elemen ini hanyalah suatu perkembangan yang mengembalikan puisi Melayu ke pangkuan bangsa yang tercinta dan ia perlu dirancang dengan sebaik-baiknya.



Isu kemanusiaan yang semakin merosot diujahkan oleh Baha Zain dengan merujuk pandangan dan ideologi tokoh sosial dan falsafah terkemuka dunia seperti Plato, Marx dan Sartre, dan persoalan ini diujahkan dengan perbincangan tentang pegangan keagamaan, iaitu yang berlandaskan akidah. Dalam esei "Penyair, Puisi dan Kemanusiaan: Menterjemahkan Kasih Sayang Tuhan", Baha Zain melihat gejala budaya hiburan yang disokong oleh iklan komersial jutaan ringgit mendominasi berbanding dengan program pendidikan, kebahasaan dan kesenian. Nilai budaya dalam masyarakat semakin jauh ditinggalkan oleh kemajuan teknologi dan komersialisme sehingga untuk mencari keseimbangannya, maka Baha Zain membuat kesimpulan bahawa peranan dan tanggungjawab penyair diperlukan untuk bersama-sama membina nilai dan institusi bangsa masing-masing. Dan, usaha ini harus dilakukan secara global.

Peneliti sastera sebenarnya dapat melihat kewibawaan Baha Zain sebagai seorang pengkritik yang luas pengetahuan dengan pendekatan yang multidimensi dalam memecahkan pelbagai persoalan budaya, sosial, ekonomi dan politik yang melampaui sempadan geografi. Dalam tulisannya, Baha Zain melihat masalah alam yang semakin tidak terkawal dan merasakan penulis dan penyair berperanan penting untuk menyuarakan penentangannya terhadap pemusnahan alam sewenang-wenangnya oleh manusia. Di sini Baha Zain melihat keperluan orang sastera berkawan dengan orang politik. Namun demikian pada sisi lain, Baha Zain secara keterbalikannya pula turut melihat hubungan yang tidak mesra antara sasterawan dengan golongan politik seperti yang dijelaskan dalam esainya "Perhubungan Pahit Manis antara Golongan Politikus dan Sasterawan". Namun, Baha Zain juga meletakkan harapan dan keyakinannya apabila beliau membicarakan tentang Wawasan 2020.

Baha Zain turut bersikap sinis apabila beliau melihat pembangunan ekonomi, material, infrastruktur, sains dan teknologi telah membawa kesan buruk terhadap alam sekitar dan masyarakatnya. Baginya, semua ini bukan lagi masalah ekonomi semata-mata, tetapi menjadi isu politik, sosial dan kebudayaan. Oleh itu, isu ini perlu diselesaikan oleh orang politik, golongan korporat dan birokrat yang telah mencorakkan pertumbuhan ekonomi dan pelaksanaan dasar kerajaan. Sungguhpun Baha Zain secara sinis menyatakan seniman dan sasterawan telah dipinggirkan dan hanya dianggap sebagai pencatat dan pengkritik peristiwa, tetapi beliau kemudiannya menyarankan agar jambatan komunikasi antara penulis dengan golongan berkuasa perlu diwujudkan untuk berdialog tentang erti modenisasi, alam sekitar dan kemanusiaan. Pada saat krisis alam dan krisis sosial semakin memuncak, sasterawan perlu memilih keberanian intelektual yang padu, bukan hanya untuk kelangsungan dirinya tetapi juga masyarakat dunia seluruhnya. Dengan mengambil sikap bahawa penulis boleh menyumbang ke arah kesejahteraan manusia, maka Baha Zain menganjurkan supaya penulis tidak bersikap pesimis dan sinis sebaliknya menghidupkan semula idealisme dan semangat optimis untuk mengharungi abad ke-21.

Dalam bab kedua *Esei & Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya*, Baha Zain menganalisis dan mentafsir lima orang penyair penting tanah air. Baha Zain menilai dan mentafsir sekali lagi sumbangan penyair Kassim Ahmad yang boleh dilihat profilnya sebagai seorang sarjana, ahli politik, intelektual dan seniman dalam esainya "Kassim Ahmad: Penyair dan Pengembara yang Berani". Dengan latar yang sedemikian, Baha Zain melihat Kassim Ahmad sebagai penyair yang sangat jujur dengan pengucapan puisinya, komited pada perjuangan, seorang sarjana yang tekun belajar dan teliti mencari kebenaran.

Kepentingan Kassim Ahmad sebagai penyair bukan sahaja kerana isinya, tetapi juga gaya dan keindahan puisinya. Baha Zain juga melihat puisi penyair Muhammad Haji Salleh (Sasterawan Negara) sebagai mempunyai kelainan dari segi gaya dan bahasa pengucapannya tidak terikat dengan kebiasaan puisi Melayu, iaitu keindahan bunyi, kelembutan dan bahasa yang sentimental. Sikap dan pandangan Muhammad Haji Salleh terhadap sesuatu subjek yang dikemukakannya agak keras kerana beliau juga seorang pengkritik dan sebagai sarjana yang berpegang pada etikanya sebagai ahli akademik. Namun demikian, Baha Zain turut menyingkap sikap Muhammad Haji Salleh yang berasa kagum terhadap rakyat kecil yang jujur tetapi terseksa oleh persekitaran yang menekan. Dengan kedudukan Muhammad Haji Salleh di menara gading, Baha Zain menilai Muhammad Haji Salleh telah meniupkan angin gelombang ke samudera sastera Melayu yang beriak tenang.

Dalam bukunya ini, Baha Zain sekali lagi menekuni kepenyairan Latiff Mohidin yang dianggap sebagai penyair yang sangat kreatif dan juga pelukis yang berbakat besar. Gabungan dua bakat ini memberikan kelebihan kepada Latiff Mohidin untuk menghasilkan puisinya yang liris yang diinspirasikan oleh alam dan kesedaran pada perubahan realiti. Dengan bakat semula jadinya dan asuhan budaya Melayu yang bergabung dengan pertembungan budaya Timur dan Barat yang ada pada Latiff Mohidin, Baha Zain melihat penyair-pelukis Latiff Mohidin sebagai antara penyair yang sukar ditemukan di Malaysia. Latiff Mohidin menyemarakkan landskap seni lukis tanah air dengan ‘Pago-pagonya’ dan puisinya memberikan lagu dan lirik baharu dalam bahasa puisi Melayu.

Penyair Kemala juga mendapat analisis daripada Baha Zain yang melihat puisi Kemala sebagai sangat peribadi dan *religious* sifatnya. Atas sebab itu agak

sulit untuk membicarakan puisi Kemala kerana bagi Baha Zain, penyair ini dipagut oleh duka tetapi sangat yakin dengan pendiriannya dan sedar diri di tengah-tengah realiti batiniah dan jasmaniah ciptaan al-Khalik. Puisi Kemala, menurut Baha Zain, merupakan ungkapan pengalaman yang autobiografik meskipun dalam keadaan terpecah-pecah. Baha Zain melihat sosok Kemala sebagai penyair yang berdiri dalam zikir dan doa. Seorang lagi penyair yang penting bagi Baha Zain ialah T. Alias Taib yang dianggapnya sebagai penyair kota. Bagi Baha Zain, T. Alias Taib sebenarnya seorang sasterawan yang prihatin dan komited terhadap kesejahteraan alam, sosial dan bangsanya. Jeritan batinnya yang memberontak ternampak jelas pada gaya pengucapan dan tidak pada pendirian yang ekstrem atau radikal. Atas sifat pemerhati dan kritis penyair ini, kota sering menjadi subjek persoalan dan sasarannya. Gerak tempo, kemelut dan pembaharuan di kota sangat terkesan kepada penyair ini untuk menyatakan pendiriannya.

Biarpun esei Baha Zain dalam buku ini berusaha meninggalkan pesan kepada penyair supaya selalu menginsafi peranan mereka agar tidak tergelincir daripada landasan maruah dan harga diri seorang penyair yang bukan sahaja bertindak sebagai perakam zamannya tetapi juga sebagai pengkritik yang progresif dan dinamik.

Sebagai pengkritik dan pengarang esei, esei dan kritikan yang dihasilkan Baha Zain telah menyerlahkan ciri-ciri keintelektualan Baha Zain. Kekuatannya juga terletak pada kreativiti pengolahan subjeknya yang kritis dan bernas, dengan memanfaatkan adunan bahasa yang memikat. Keistimewaan esei dan kritikan Baha Zain dapat dinilai berdasarkan ciri-ciri berikut:

- i. Daya taakulan yang tinggi;
- ii. Kebolehan menghuraikan sesuatu butir dengan kritikan yang tepat dan tajam;
- iii. Idea-idea yang tersendiri, segar dan bukan diulangi daripada pendapat orang lain;
- iv. Penilaiannya terhadap sesuatu peristiwa sosial dan penilaiannya terhadap lima penyair yang dipilihnya adalah seimbang;
- v. Sikapnya melihat masa lampau, memahami masa sekarang dan membuat taabiran tentang apa yang akan berlaku pada masa depan.

Daripada tulisannya, ternyata cara beliau membentangkan pemikiran yang sangat jelas, teratur dan mudah difahami hingga kalangan khalayak yang tidak selalu mengikuti perkembangan sastera tanah air dapat memahaminya dan mendapat manfaat. Esei dan kritik Baha Zain yang dihasilkan secara kritis, matang dan intelektual telah mengilhami kalangan khalayaknya untuk menghasilkan tulisan yang berwibawa bagi meningkatkan mutu khazanah kesusasteraan tanah air.

# CEREKA

Kalangan peneliti dan khalayak sastra lebih mengenali kepengarangan Baha Zain dalam genre puisi, esei dan kritikan. Baha Zain sebenarnya turut menghasilkan genre sastra yang lain, iaitu cereka yang meliputi genre cerpen dan anekdot. Bagi genre cerpen, beliau menggunakan nama pena Baha Zain dan Anton Zakuan. Baha Zain memperlihatkan potensinya sebagai pengarang cerpen apabila karyanya "Malam yang Melemparkan" yang diterbitkan dalam majalah *Dewan Sastra* keluaran sulung pada bulan Januari 1971 memenangi Hadiah Karya Sastra tahun 1971. Cerpen beliau yang lain termasuklah "Bagai Angin di Pantai: Akrab dan Asing", dalam *Dewan Sastra* (Januari 1980), "Matahari dan Karen", dalam *Dewan Sastra* (September 2005), "Dia dan YB" dalam *Dewan Sastra* (Januari 2008) dan "Sunat" dalam *Dewan Sastra* (Jun 2010). Bilangan karyanya dalam genre cerpen sedikit jumlahnya, namun demikian, sikap Baha Zain sebagai seorang penulis yang idealis dan pragmatis terhadap peranan serta tanggungjawabnya untuk merevolusikan pemikiran kesenian dan kebudayaan dalam kalangan masyarakatnya ketara dikemukakan terutama dalam cerpen "Malam yang Melemparkan".

Dalam "Malam yang Melemparkan", Baha Zain mempertahankan sikapnya yang idealis secara tegar untuk mempertahankan prinsip kesenimanannya yang tulen, diolah dalam bentuk wacana pemikiran antara aku yang berprinsip dengan Wily yang melupakan prinsip seninya demi mengejar status kehidupannya yang lebih baik di Pulau Pinang. Demikian juga dengan Rohadi, temannya yang

memanipulasi seni bagi tujuan mendapat kepentingan peribadi. Berlainan dengan “aku” yang berprinsip dan tidak akan mengorbankan prinsip perjuangan semata-mata “disuruh menjilat-jilat, disuruh menjadi pemburu status, pembeli publisiti atau pengembara sosial”. Perjuangan seninya yang kental dianalogikan seteguh perjuangan Che Guevara, pejuang revolusioner di Amerika Latin yang tetap mempertahankan tujuan pemberontakannya walaupun dipenjarakan. Bagi “aku”, kesenian amat bernilai kerana seni membawa kesempurnaan yang menyeluruh bagi kehidupan.

Dalam cerpen “Bagai Angin di Pantai: Akrab dan Asing”, sikap dan pendirian pengarang terhadap kesenian disorot dari sudut pandang lintas budaya, antara protagonis dengan kalangan seniman pelbagai negara yang menghadiri sebuah seminar. Perbincangan berkaitan dengan seni dalam kalangan seniman ini tidak diperluas sebaliknya protagonis lebih cenderung melakukan inversi dengan mengujarkan isu sosial di tanah airnya terutama isu perancang keluarga, isu yang juga turut ditampilkan secara sinis dalam puisinya “Itu Pil-pil Klinik Perancang Keluarga”. Dalam cerpen ini, pengarang menyatakan protesnya terhadap institusi pelaksana dasar tersebut secara alegori, menyamakan tindakan sedemikian seperti nasib penyu yang bertelur dengan harapan semua telurnya menetas dan menjadi anak, tetapi harapan itu musnah kerana telurnya dijamah tangan manusia, “manusia menjadi pembunuh tepat sebelum nyawa dijadikan”... Ia berharap untuk mendapat sembilan puluh enam anak, tiba-tiba manusia menghalang pembiakannya.”

Demikian pengarang meletakkan peranan penulis sebagai ejen sosial yang penting untuk menyatakan pandangannya dengan jujur hatta menentang ketetapan dasar atau sistem arus perdana. Terdapat gagasan pengarang bahawa

seorang seniman semestinya membincangkan perkara besar dan umum seperti isu tradisi, modenisasi, gerakan pelajar, falsafah pendidikan, disorientasi masyarakat, kemiskinan dan penindasan ekonomi.

Hubungan seniman antara negara juga terdapat dalam cerpen "Matahari dan Karen" berlatarbelakangkan negara Amerika Syarikat yang dihuni Anton untuk menimba ilmu dalam bakat seninya. Keseluruhan cerpen ini dibina dalam nada nostalgik, tentang ingatan Anton kepada sahabat karibnya Karen, seorang guru bahasa di Amerika Syarikat. Melalui mata hati seniman, pengarang memperlihatkan perbezaan sikap dan peradaban dua negara yang berbeza dari segi tanggapan mereka terhadap nilai kasih sayang, persahabatan dan sikap prejudis manusia. Cerpen ini memperlihatkan keprihatinan pengarang terhadap isu sosiobudaya, ekonomi dan politik yang teretus dalam jangka waktu tertentu dalam milieu masyarakatnya. Subjek tersebut walaupun seolah-olah hanya mewakili isu pada lingkungan waktu ia dihasilkan, tetapi isu yang ditanggapi itu tetap relevan dengan isu sosial yang masih wujud merentas waktu sehingga kini.

Gagasan budaya yang tulen dipertahankan, dipertembungkan dan diwacanakan dalam kalangan pendukung budaya dari Barat dan Timur dalam ruang yang lebih sarwajagat. Pertembungan pemikiran sedemikian menzahirkan pendirian yang jelas dan tetap tentang hakikat dan tujuan kesenian dan kebudayaan yang membina integriti individu dan kelompok masyarakatnya. Biarpun terdapat pertentangan nilai serta amalan budayanya, namun perbezaan itu diminimumkan sehingga kedua-dua tamadun mampu untuk saling melengkapi dalam membina keutuhan keperibadian.



Sikap idealis Baha Zain terhadap peranan dan tanggungjawab penulis dan gagasan budaya yang tulen menyerlah dalam dua buah cerpennya, "Aku dan YB" dan cerpen "Sunat". Kedua-dua cerpen ini menganalisis sikap dan pendirian pemegang kuasa, individu berkepentingan dan kelompok masyarakat yang naif yang melingkungi penguasa serta sumber kuasa politik. Sisi keluhuran integriti dalam kalangan tokoh politik dalam menunaikan amanah yang dipikul demi kepentingan rakyat yang diwakili, telah dikemukakan dengan kritis dan sinikal menggunakan unsur-unsur lelucon. Dengan olahan bahasa yang lunak, kedua-dua cerpen ini menyerlahkan muslihat individu yang cuba menjebak dan meraih keuntungan daripada punca kuasa. Terdapat juga kritikan terhadap pemegang kuasa yang pada asal perjuangannya seorang yang idealis, memperjuangkan kepentingan bahasa dan bangsanya, tetapi akhirnya melupakan perjuangannya setelah tunduk kepada kecenderungan kepemimpinan kuasa dalam aliran perdana, hatta bertentangan dengan perjuangannya. Pada sisi yang lain seperti dalam cerpen "Sunat", watak tokoh politik yang berintegriti melaksanakan amanahnya diserlahkan. Namun demikian, kalangan yang berintegriti, tidak lagi mendapat tempat dalam percaturan sumber kuasa apabila "kejujuran dan keikhlasan yang diwarisi daripada bapanya yang dahulu menjadi ketua kampung, tempat orang mengadu hal dan menyandarkan harapan, nampaknya kurang berkesan lagi pada zaman sekarang".

Karya cereka Baha Zain kebanyakannya diujarkan dalam bentuk wacana, iaitu melalui teknik dialog. Muatan pemikiran dan hujahan dikemukakan dengan bersandarkan prinsip-prinsip yang jelas dan konkrit. Justeru, perbincangan yang berkaitan dengan hakikat dan tujuan kesenian

dan kebudayaan dalam masyarakat dapat didalami dengan sewajarnya untuk memberikan kefahaman kepada khalayaknya. Cereka yang dihasilkannya dalam bentuk satira dan alegori berfungsi sebagai wahana untuk menerapkan ketinggian nilai akhlak dan etika dalam membina integriti. Baha Zain memperlihatkan penggunaan bahasa yang puitis dalam mengolah subjek, pemikiran dan ceritanya yang bersifat deskriptif dan dalam dialog. Biar pun pencapaian cerekanya tidak setinggi pencapaian puisi dan esainya, cereka yang dihasilkan Baha Zain menampakkan juzuk lain yang memperlihatkan keistimewaan dalam bakat kepengarangannya dalam pelbagai genre.

# LAMPIRAN



# LAMPIRAN 1

## BIODATA

**Nama** : BAHARUDDIN BIN ZAINAL  
**Gelar** : Dato' Haji (Dr.)  
**Nama Pena** : Baha Zain, Anton Zakuan  
**Tarikh lahir** : 22 Mei 1939  
**Tempat Lahir** : Batu 15, Hutan Melintang, Perak  
**E-mel** : [bahazain@gmail.com](mailto:bahazain@gmail.com)  
**Blog** : [Desakota-bahazain.blogspot](http://Desakota-bahazain.blogspot)

### PENDIDIKAN

1. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Sabak Bernam, Selangor sehingga tamat Darjah IV pada tahun 1949 (1946 -1949).
2. Memasuki Anglo Chinese School, Teluk Anson sehingga lulus Sijil Peperiksaan Cambridge (1950 – 1957).
3. Memasuki Sekolah Anderson, Ipoh dalam Tingkatan Enam (1958 – 1959).
4. Melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1963 (1960-1963).
5. Melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Fakultas Sastera, Universitas Indonesia, Jakarta, Indonesia (1970 – 1972).

## **KERJAYA**

1. Penolong Pegawai Penyelidik, Dewan Bahasa dan Pustaka (1963-1969)
2. Penolong Ketua Bahagian Perkamusan, Dewan Bahasa dan Pustaka (1970)
3. Ketua Cawangan Kajian, Bahagian Pengembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (1972-1976)
4. Ketua Bahagian Pengembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (1977-1981)
5. Timbalan Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (1982-1985)
6. Penerbit Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
7. Pengerusi Eksekutif Dasar Padu (M) Sdn. Bhd.

# LAMPIRAN 2

## BUKU DAN KARYA ECERAN (AKHBAR/MAJALAH)

### A. BUKU

#### KUMPULAN PUISI

1974. *Perempuan dan Bayang-bayang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
1978. *Dari Kertas Catatan Tengah Malam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
1991. *Tiga Catatan Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
1994. *Jalan Desa ke Kota*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
2002. *Setaman Pantun*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
2003. *Topeng-topeng (Puisi-puisi Baha Zain)*. Moscow: Humanitary.
2008. *Postponing Truth and Other Poems - Menangguhkan Kebenaran dan Sajak-sajak Lain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### KUMPULAN ESEI DAN KRITIKAN/KAJIAN SASTERA

1980. *Esei Sastera Baharuddin Zainal* (disusun oleh Hamzah Hamdani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
1981. *Peranan dan Tanggungjawab Editor dalam Penerbitan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2000. *Esei dan Puisi Baha Zain*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
2000. *Esei & Puisi Baha Zain: Tentang Penulis dan Persekitarannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.

2005. *Memartabatkan Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **ANEKDOT**

2000. *Berguru pada Binatang*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.

## **KARYA TERJEMAHAN**

1979. *Ten Poems*. Kuala Lumpur: Sistem Intermedia.

1980. *Three Sketches From A Journey Baha Zain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2008. *Postponing Truth and Other Poems*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2010. *Postponing Truth and Other Poems*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

2010. *Yan Huan De Shi Shi Yi Qi Ta Shi Ge*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

2010. *Posponiendo La Verdad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PENYELENGGARA/PENYUSUN**

1963. *Hikayat Bakhtiar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1964. *Hikayat Umar Umayah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1965. *Hikayat Chekel Waneng Pati*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1979. *Mendekati Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1981. *Wajah Edisi Pertama: Biografi Seratus Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1996. *Rupa Kata: Pekan Seni Ipoh, 2 – 13 September*. Ipoh: Yayasan Kesenian Perak.

1995. *Melintasi Benua: Penulis Pena di Tiga Kota Raya*. Dasar Padu (M) Sdn. Bhd.



1996. *Jejak Perjalanan di Gurun Zaman: Penulis PENA di Timur Tengah*. Dasar Padu (M) Sdn. Bhd.

## ANTOLOGI PUISI

1973. *Suara Tujuh*. Batu Pahat: Penerbitan Setia Murni.

1979. *Telur 3*. Pulau Pinang: PPI Kemanusiaan, USM.

1979. *Titian Zaman: Antologi Puisi Pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1980. *Pilihan Puisi Baru Malaysia Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1981. *Puisi-puisi Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1981. *Tinta Pena*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia.

1983. *Bahasa Alam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

1984. *Lagu Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1984. *100 Sajak Malaysia*. Subang Jaya: Tra-tra Publishing.

1984. *Bintang Mengerdip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1986. *Bunga Gerimis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

1986. *Puisirama Merdeka*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia.

1988. *Kumpulan Puisi Malaysia 1975-1985*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1990. *Puisi Baharu Melayu 1961-1986*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1991. *Malaysia dalam Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1993. *Suara Rasa*. Kuala Lumpur: Malayan Banking Berhad.

1995. *Puisi-puisi Kunjungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2005. *Tanah Airku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## ANTOLOGI ESEI DAN KRITIKAN/KAJIAN SASTERA

1980. *Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

1982. *Novel-novel Melayu dalam Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## B. KARYA ECERAN

### PUISI

1. "Keyakinan yang Surut" dlm. *Berita Minggu*, 25 September 1960.
2. "Hidup Ini" dlm. *Utusan Zaman*, 23 September 1962.
3. "69" dlm. *Dewan Bahasa*, Januari 1969.
4. "Dada Merah Jingga" dlm. *Utusan Zaman*, 14 September 1969.
5. "Cinta Manusia Berani" dlm. *Dewan Bahasa*, 1 Jun 1969.
6. "Surat 1 Januari 2000" dlm. *Dewan Bahasa*, 1 Jun 1969.
7. "Aise-Memoire" (untuk seorang jeneral) dlm. *Dewan Masyarakat*, 15 Julai 1969.
8. "Mataku" dlm. *Dewan Bahasa*, Januari 1970.
